

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI**
**SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**




# Bendera Peribadi

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

# **Isi**kandungan

**ENTITI** DAN **FUNGSI** MAIS • 04 • **KEWAJIPAN** DAN **KUASA** MAIS • 05 •

**AHLI MESYUARAT** MAIS • 06 • **STRUKTUR KORPORAT** • 08 • **LAPORAN PENGERUSI** • 10 •

**PRESTASI MESYUARAT** MAIS DAN **JAWATANKUASA TETAP** MAIS • 12 •

**LAPORAN KEWANGAN** BERAUDIT 2009 • 13 • **LAPORAN OPERASI** • 45 •

**LAPORAN AKTIVITI** 2009 • 51 • **STATISTIK** • 65 •

KERATAN **AKHBAR** DAN **ALAMAT KAUNTER** • 75 •

## Entiti MAIS

**Suatu Badan Berkanun Negeri yang kekal dan Pihak Berkuasa Utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.**

**Seksyen 54 dan 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# entiti & fungsi

## Fungsi MAIS

**MAIS bertanggungjawab menasihati dan membantu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam di dalam negeri Selangor, kecuali dalam perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan.**

**Seksyen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# Kuasa MAIS

MAIS berkewajipan untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

**Subseksyen 7 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.*

# kuasa & kewajipan

# Kewajipan MAIS

- Menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian
- Menubuhkan perbadanan atau syarikat
- Bekerjasama dalam menjalankan apa-apa kegiatan dengan mana-mana pihak
- Membuat apa-apa pelaburan yang dibenarkan
- Menubuhkan apa-apa skim pinjaman daripada Baitulmal
- Melakukan perkara lain suai manfaat
- Menubuhkan sekolah Islam, institusi latihan dan penyelidikan
- Wasi sesuatu wasiat
- Pentadbir harta pusaka
- Pemegang amanah tunggal wakaf
- Memegang dan menikmati apa-apa harta alih dan tidak alih
- Pemegang amanah masjid
- Mengislamkan dan menjaga mualaf

# Ahli Mesyuarat MAIS 2009-2011




**01** **Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
Pengerusi MAIS
S.S.I.S, D.S.S.A, S.S.A, K.M.N, A.M.N

**02** **Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI**
Timbalan Pengerusi MAIS
D.I.M.P., S.M.S

**03** **Y.B. DATO' RAMLI BIN MAHMUD**
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
D.P.M.S, S.M.S, A.M.S

**04** **Y.B. DATIN PADUKA ZAUYAH BE BINTI T. LOTH KHAN**
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
D.P.M.S, D.M.S.M, D.S.M, A.M.N

**05** **Y.B. DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
D.S.I.S, A.M.N

**06** **Y.A.D. DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID**
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor
S.S.I.S, D.P.M.S, P.P.T




**07** **Y.BHG. DATO' KHALID BIN ABU BAKAR**
Ketua Polis Selangor
D.S.A.P, D.I.M.P, S.A.P, P.P.P

**08** **Y.A.D. TENGKU SERI WANGSA DIRAJA TENGKU DATO' SETIA RAMLI AL HAJ BIN TENGKU SHAHRUDDIN SHAH AL HAJ**
Ahli Dewan Diraja
S.S.I.S, D.S.S.A, S.M.S

## Ahli Mesyuarat **MAIS 2009-2011**




**09** **Y.A.D. DATO' SETIA ABDUL HALIM BIN DATO' HAJI ABDUL RAUF**
Ahli Dewan Diraja
P.S.D, S.S.I.S, D.P.M.S K.M.N

**10** **Y. BHG. DATO' AIDIT BIN GHAZALI**
Pengerusi Eksekutif
Akademi Aidit Sdn. Bhd.
D.S.S.A, S.S.A

**11** **Y. BHG. DATO' HAJI SARIP BIN HAMID**
Pengerusi Sarmid Holdings Malaysia Sdn. Bhd.
D.S.I.S, D.M.S.M, D.S.M

**12** **Y. BHG. DATIN PADUKA PROF. DR. ZALEHA BINTI KAMARUDDIN**
Timbalan Pengarah IKIM
D.P.M.S, D.I.M.P

**13** **Y. BHG. DATO' SALEHUDDIN BIN SAIDIN**
Peguambela & Peguamcara, Tetuan Salehuddin Saidin & Associated
D.S.I.S, A.M.S, P.P.T

**14** **Y. BHG. PROF. DATO' DR. SIDEK BIN BABA**
Profesor Institut Pendidikan, UIAM
D.S.I.S

**15** **Y. BHG. PROF. MADYA DR. AB. HALIM BIN TAMURI**
Pensyarah Kanan UKM

**SETIAUSAHA MAIS**

**16** **Y. BHG. DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI**
Pengarah JAIS, merangkap Setiausaha MAIS
D.S.I.S, S.I.S, A.S.A, P.P.T

# Struktur KORPORAT




*Catatan : Carta Dikemaskini Sehingga 31.12.2009

Struktur Korporat

# CARTA KEDUDUKAN BAHAGIAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Kelulusan : Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia MAIS Bil 7/2009 bertarikh 30.11.2009



# LAPORAN PENGERUSI

## Majlis Agama Islam Selangor



“Demi menjadi sebuah agensi Islam yang disegani khususnya di Negeri Selangor, MAIS terus memperkemaskan pengurusannya serta kesediaan menerima pembaharuan dalam organisasi...”

**Y.A.D. DATO' SETIA HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
Pengerusi

# Bismillahirrahmanirrahim...

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.**

Demi menjadi sebuah agensi Islam yang disegani khususnya di Negeri Selangor, MAIS terus memperkemaskan pengurusannya serta kesediaan menerima pembaharuan dalam organisasi. Agenda memperkasakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan bagi menggalakan kemajuan ekonomi serta kesejahteraan sosial masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor merupakan komitmen yang sangat besar dan tidak mampu dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan bantuan banyak pihak.

Justeru dengan itu kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2009 merupakan pendorong semangat kepada kejayaan yang akan datang. Dengan semangat itu MAIS akan terus melaksanakan usaha berganda demi kepentingan dan kemaslahatan umat Islam.Saya yakin dan percaya dengan kerjasama pelbagai pihak MAIS mampu mencapai pelbagai kejayaan untuk umat Islam khasnya di Negeri Selangor pada masa-masa yang akan datang.

Akhir kata, bagi pihak ahli-ahli MAIS, pegawai dan kakitangan saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada DYMM Sultan Selangor, sebagai ketua Agama di atas titah nasihat baginda demi memartabatkan syiar Islam di negeri ini. Setinggi ucapan penghargaan juga kepada kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan yang telah berusaha memberikan yang terbaik untuk MAIS. Penghargaan saya juga ditujukan khas kepada semua ahli MAIS, ahli-ahli jawatankuasa tetap, pertubuhan bukan kerajaan dan pegawai serta kakitangan MAIS. Semoga Allah mengurniakan ganjaran serta  kejayaan ke atas segala usaha yang telah dicurahkan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam



**Y.A.D. DATO' SETIA HJ. MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA**
PENGERUSI

# PRESTASI MESYUARAT MAIS DAN JAWATANKUASA TETAP MAIS

Pada tahun 2009, Mesyuarat MAIS telah bersidang 5 kali setahun pada tarikh-tarikh berikut :

| Tarikh | Masa | Tempat |
|---|---|---|
| 19 Februari 2009 | 9.00 pagi | Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), SUK |
| 14 Mei 2009 | 9.00 pagi | Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), SUK |
| 11 Ogos 2009 | 9.00 pagi | Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), SUK |
| 6 Oktober 2009 | 9.00 pagi | Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), SUK |
| 1 Disember 2009 | 9.00 pagi | Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), SUK |

Berikut adalah makluman serta prestasi mesyuarat jawatankuasa tetap MAIS dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi-fungsi MAIS berdasarkan Seksyen 27, Enakmen Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sepanjang tahun 2009.

| | Nama Jawatankuasa | Urusetia | Kekerapan Mesyuarat |
|---|---|---|---|
| 1. | Jawatankuasa Pelaburan | Bahagian Pembangunan Hartanah MAIS | 3/2009 |
| 2. | Jawatankuasa Baitulmal | Bahagian Baitulmal MAIS | 4/2009 |
| 3. | Jawatankuasa Pengurusan Wakaf | Bahagian Undang-Undang MAIS | 3/2009 |
| 4. | Jawatankuasa Undang-Undang | Bahagian Audit Dalam MAIS | 2/2009 |
| 5. | Jawatankuasa Audit | Bahagian Pengurusan MAIS | 3/2009 |
| 6. | Jawatankuasa Sumber Manusia | Bahagian Pengurusan MAIS | 7/2009 |
| 7. | Jawatankuasa Tatatertib | Bahagian Pengurusan Dakwah JAIS | 3/2009 |
| 8. | Lembaga Rayuan Tatatertib | Bahagian Pengurusan MAIS | 1/2009 |
| 9. | Jawatankuasa Mualaf Negeri Selangor | Bahagian Pembangunan Insan MAIS | 4/2009 |
| 10. | Jawatankuasa Pemantauan Prestasi & Kemajuan Organisasi | Bahagian Pengurusan MAIS | 4/2009 |
| 11. | Jawatankuasa MAIS Daerah Gombak | Pejabat Agama Islam Daerah Gombak | 1/2009 |
| 12. | Jawatankuasa Dakwah | Bahagian Pengurusan Dakwah JAIS | 3/2009 |
| 13. | Jawatankuasa Pengesahan Halal Negeri Selangor | Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS | 5/2009 |
| 14. | Jawatankuasa Kariah | Bahagian Pengurusan Masjid JAIS | 5/2009 |
| 15. | Jawatankuasa Tauliah | Bahagian Pengurusan Dakwah JAIS | 5/2009 |
| 16. | Jawatankuasa Pengawalan Akidah | Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS | 2/2009 |
| 17. | Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan | Bahagian Pendidikan Islam JAIS | 2/2009 |
| 18. | Jawatankuasa Pembangunan Keluarga | Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS | 2/2009 |
| 19. | Jawatankuasa Tahfiz Negeri Selangor | Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) | 1/2009 |
| 20. | Jawatankuasa Pembangunan Keluarga | Jabatan Mufti Negeri Selangor | 5/2009 |
| 21. | Jawatankuasa Falak Negeri Selangor | Jabatan Mufti Negeri Selangor | 1/2009 |
| 22. | Jawatankuasa Peguam Syarie | Jabatan Kehakiman Syariah Selangor | 2/2009 |

Laporan Kewangan

# BERAUDIT '09


14 Sijil Ketua Audit Negara

15 Penyata Pengurusan dan Ahli Majlis

16 Penyata Oleh Pegawai Utama

17 Penyata Pendapatan

18 Lembaran Imbangan

20 Penyata Perubahan Ekuiti

22 Penyata Aliran Tunai

23 Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

## MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**PUTRAJAYA**
**02 OGOS 2010**

# PENYATA
## PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS

"Kami, **Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa** dan **Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31hb. Disember 2009 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan aliran tunai Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis,



**Nama** : Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa

**Gelaran** : Pengerusi

**Tarikh** : 30 APR 2010

Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Bagi pihak Majlis,



**Nama** : Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman

**Gelaran** : Ahli Majlis

**Tarikh** : 30 APR 2010

Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 12, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

## YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Saya **Dato' Hj. Muhammed Khusrin bin Hj. Munawi, K.P No : 560920-10-6525,** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **Majlis Agama Islam Selangor**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 2009, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya )
diakuinya oleh penama di atas )
di Shah Alam, Selangor D.E. )
pada 30 APR 2010 )

..............................................................

Dihadapan saya.

..............................................................

**PESURUHJAYA SUMPAH**

Tingkat 2, 02-23B Kompleks PKNS,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

# PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| Kumpulan Wang Zakat | 3( a ) | **295,597,718** | 252,699,438 | **295,597,718** | 252,699,438 |
| Kumpulan Wang Baitulmal | 3( b ) | **15,509,157** | 16,369,747 | **15,925,314** | 16,610,947 |
| Kumpulan Wang Wakaf | 3( c ) | **2,010,062** | 1,583,747 | **2,010,062** | 1,583,747 |
| | | **313,116,937** | 270,652,932 | **313,533,094** | 270,894,133 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | | | | | |
| Pendapatan Operasi Syarikat Subsidiari | 3( d ) | **78,150,224** | 67,518,323 | - | - |
| | | **391,267,161** | 338,171,255 | **313,533,094** | 270,894,133 |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| Perbelanjaan Wang Zakat | 3( a ) | **317,484,550** | 200,645,689 | **317,484,550** | 200,645,689 |
| Perbelanjaan Wang Baitulmal | 3( b ) | **12,211,615** | 12,628,684 | **12,271,235** | 12,854,740 |
| Perbelanjaan Wang Wakaf | 3( c ) | **554,113** | 476,903 | **554,113** | 476,903 |
| | | **330,250,279** | 213,751,276 | **330,309,899** | 213,977,332 |
| Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari | 3( d ) | **69,199,165** | 51,721,302 | - | - |
| | | **399,449,444** | 265,472,578 | **330,309,899** | 213,977,332 |
| | | **(8,182,282)** | 72,698,677 | **(16,776,805)** | 56,916,801 |
| Pembahagian Keuntungan/ Kerugian Syarikat Bersekutu | | **(4,366)** | 7,811 | - | - |
| Lebihan (Kurangan) Sebelum Cukai & Zakat | | **(8,186,649)** | 72,706,488 | **(16,776,805)** | 56,916,801 |
| ( - ) Cukai | 4 | **(69,709)** | (162,447) | - | - |
| ( - ) Zakat | | **(27,000)** | (50,000) | - | - |
| Lebihan (Kurangan) Selepas Cukai & Zakat | | **(8,283,358)** | 72,494,041 | **(16,776,805)** | 56,916,801 |
| Kepentingan Minoriti | | **(45,056)** | (45,980) | - | - |
| Lebihan (Kurangan) Bagi Tahun Semasa | | **(8,328,414)** | 72,448,061 | **(16,776,805)** | 56,916,801 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

# LEMBARAN IMBANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2009

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah Loji dan Peralatan | 5 | **82,485,553** | 73,031,194 | **62,454,950** | 67,075,457 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 6 | **6,673,586** | 9,492,504 | **1,007,770** | 3,625,396 |
| Pelaburan Dalam Saham Tersiar Harga | 7 | **7,050,185** | 4,994,465 | **7,050,185** | 7,983,377 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari | 8 | **-** | - | **3,973,023** | 3,973,023 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 9 | **1,096,807** | 1,003,173 | **4,182,912** | 4,182,912 |
| Lain-lain Pelaburan | 10 | **150,000** | 150,000 | **150,000** | 150,000 |
| | | **97,456,131** | 88,671,336 | **78,818,840** | 75,990,886 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 11 | **2,246,670** | 509,280 | **-** | - |
| Penghutang | 12 | **32,823,614** | 5,557,953 | **6,338,618** | - |
| Pelbagai Penghutang, Prabayar dan Deposit | 13 | **7,747,360** | 3,983,973 | **1,748,198** | 655,579 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Bersekutu | 14 | **-** | 348,088 | **-** | 348,088 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Berkaitan | | **3,000** | 3,000 | **-** | - |
| Cukai Terlebih Bayar | | **563,404** | 191,733 | **-** | - |
| Qardul Hassan | 15 | **5,750,964** | 7,390,964 | **5,750,964** | 7,390,964 |
| Wang Jaminan | | **37,500** | 7,500 | **-** | - |
| Wang Dalam Perjalanan | 16 | **23,203,289** | 50,334,406 | **23,203,289** | 50,334,406 |
| Pelaburan Al-Mudharabah | 17 | **149,860,943** | 172,454,184 | **134,244,843** | - |
| Wang Tunai Di Tangan dan Bank | 18 | **49,982,548** | 17,338,038 | **47,879,422** | 15,358,880 |
| | | **276,868,115** | 285,384,780 | **218,384,670** | 239,696,083 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Wang Amanah | 19 | **5,509,535** | 7,442,345 | **5,509,535** | 7,442,345 |
| Wakaf Khas | 20 | **9,106,682** | 3,132,636 | **9,106,682** | 3,132,636 |
| Istibdal Wakaf | 21 | **2,364,978** | - | **2,364,978** | - |
| Dana Masjid | | **492,587** | 631,175 | **492,587** | 631,175 |
| Peruntukkan Pendahuluan Agihan Zakat | 22 | **2,197,780** | 9,357,809 | **2,197,780** | 9,357,809 |
| Pemiutang Perniagaan | | **1,599,150** | 1,325,615 | **-** | - |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 23 | **34,201,386** | 20,962,019 | **10,270,396** | 8,918,693 |
| Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan | 24 | **8,843,869** | 9,872,761 | **6,358,869** | 7,347,016 |
| Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil | 25 | **1,143,813** | 1,068,814 | **1,143,813** | 1,068,814 |
| Peruntukan Cukai | | **40,474** | 71,102 | **-** | - |
| | | 65,500,253 | 53,864,276 | 37,444,639 | 37,898,488 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | **211,367,862** | 231,520,504 | **180,940,031** | 201,797,594 |
| **ASET BERSIH** | | **308,823,993** | 320,191,841 | **259,758,871** | 277,788,481 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# LEMBARAN IMBANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2009 (SAMB)

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | NOTA | RM | RM | RM | RM |
| Dibiayai Oleh | | | | | |
| **KUMPULAN WANG MAJLIS** | | | | | |
| Lebihan Terkumpul | | 294,195,153 | 302,837,371 | 255,085,631 | 271,971,418 |
| Kepentingan Minoriti | | 114,733 | 69,677 | - | - |
| **LIABILITI JANGKA PANJANG** | | | | | |
| Pembiayaan Al-Musyarakah | 26 | 4,180,000 | 4,660,000 | - | - |
| Pembiayai Al-Bai Bithaman Ajil | 25 | 4,673,240 | 5,817,063 | 4,673,240 | 5,817,063 |
| Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri | 27 | 3,566,667 | 4,000,000 | - | - |
| Geran Kerajaan | 28 | 112,000 | 119,000 | - | - |
| Sewabeli Jangka Panjang | 29 | 1,599,091 | 1,225,757 | - | - |
| Tabung Biasiswa Rektor | 30 | 383,109 | 1,462,973 | - | - |
| | | 308,823,993 | 320,191,841 | 259,758,871 | 277,788,481 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

| | | Kumpulan Wang Majlis | Kepentingan Minoriti | Jumlah Ekuiti |
|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN** | **Nota** | **RM** | **RM** | **RM** |
| **Baki pada 1 Januari 2008** | | 230,389,310 | - | 230,389,310 |
| Lebihan bersih bagi tahun semasa | | 72,448,061 | 69,677 | 72,517,738 |
| **Baki pada 31 Disember 2008** | | **302,837,371** | **69,677** | **302,907,048** |
| **Baki pada 1 Januari 2009** | | **302,837,371** | **69,677** | **302,907,048** |
| Pelarasan tahun lepas | 31 | **(307,836)** | **-** | **(307,836)** |
| **Baki dinyatakan semula** | | **302,529,534** | **69,677** | **302,599,211** |
| Rizab Penyatuan Akaun | 32 | **(5,966)** | **-** | **(5,966)** |
| Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **(8,328,414)** | **-** | **(8,328,414)** |
| Kepentingan Minoriti Dalam Syarikat Subsidiari | | **-** | **45,056** | **45,056** |
| **Baki pada 31 Disember 2009** | | **294,195,153** | **114,733** | **294,309,886** |

| | | Lebihan Terkumpul Baitulmal | Lebihan Terkumpul Zakat | Lebihan Terkumpul Wakaf | Kumpulan Wang |
|---|---|---|---|---|---|
| **MAIS** | **Nota** | **RM** | **RM** | **RM** | **RM** |
| **Baki pada 1 Januari 2008** | | **73,347,314** | **137,280,018** | **14,498,106** | **225,125,438** |
| Pelarasan Tahun Lepas | | **(149,859)** | **823,156** | **(10,744,117)** | **(10,070,820)** |
| Lebihan/Kurangan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **3,756,208** | **52,053,749** | **1,106,844** | **56,916,801** |
| **Baki pada 31 Disember 2008** | | **76,953,662** | **190,156,923** | **4,860,833** | **271,971,418** |
| **Baki pada 1 Januari 2009** | | **76,953,663** | **190,156,923** | **4,860,833** | **271,971,419** |
| Pelarasan tahun lepas | 31 | **78,742** | **(179,605)** | **(8,118)** | **(108,981)** |
| **Baki dinyatakan semula** | | **77,032,405** | **189,977,318** | **4,852,715** | **271,862,437** |
| Lebihan Bersih Bagi Tahun Semasa | | **3,654,079** | **(21,886,833)** | **1,455,949** | **(16,776,806)** |
| **Baki pada 31 Disember 2009** | | **80,686,482** | **168,090,485** | **6,308,664** | **255,085,631** |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| **Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan** | | **- (8,186,649)** | 72,706,488 | **- (16,776,805)** | 56,916,801 |
| *Pelarasan* | | | | | |
| Pembahagian Keuntungan Syarikat Bersekutu | | **4,366** | (7,811) | **-** | - |
| Belanja Susutnilai | | **5,260,196** | 4,574,275 | **1,729,031** | 1,621,477 |
| Pelarasan Tahun Lepas | | **- (313,802)** | (10,070,821) | **- (108,981)** | - (10,070,821) |
| Pendapatan Dividen | | **- (52,966)** | (65,607) | **- (52,966)** | - (65,607)) |
| Hibah Bank | | **- (3,684,605)** | (3,589,602) | **- (3,341,890)** | - (3,589,602) |
| Rosotnilai/Peningkatan Nilai Pelaburan | | **- (2,055,721)** | 2,936,744 | **- (2,055,721)** | 2,936,744 |
| Pendapatan Geran | | **- (12,000,000)** | (14,000,000) | **-** | - |
| Keuntungan Jualan Aset Tetap | | **-** | (978,427) | **-** | - (997,811) |
| Hutang Ragu & Hapus Kira | | **676,161** | 101,532 | **629,280** | 101,532 |
| Pelunasan Geran | | **- (7,000)** | (7,000) | **-** | - |
| Pelupasan Aset Tetap | | **1,083,051** | 9,446,689 | **1,031,070** | 9,446,689 |
| Faedah Sewa Pajak | | **30,580** | 24,819 | **-** | - |
| Pelarasan Peruntukan Zakat | | **-** | (1,506) | **-** | - |
| Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal | | **- (19,246,391)** | 61,069,773 | **(18,946,985)** | 56,299,403 |
| **Perubahan dalam modal kerja** | | | | | |
| Inventori | | **(1,737,390)** | (424,969) | **-** | - |
| Penghutang | | **(4,976,895)** | (16,519,223) | **499,473** | (3,720,205) |
| Pelbagai Penghutang Prabayar Deposit | | **(3,763,387)** | (393,537) | **(1,092,619)** | 259,008 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Berkaitan | | **-** | 237,900 | **-** | - |
| Qardul Hassan | | **1,640,000** | (7,390,964) | **(1,640,000)** | (7,390,964) |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat | | **(7,160,029)** | 6,566,305 | **(7,160,029)** | 6,566,305 |
| Wang Amanah | | **(1,932,810)** | (4,186,947) | **(1,932,810)** | (4,186,947) |
| Wakaf Khas | | **5,974,046** | 3,132,636 | **5,974,046** | 3,132,636 |
| Istibdal Wakaf | | **2,364,978** | - | **2,364,978** | - |
| Pemiutang Perniagaan | | **273,535** | 374,305 | **-** | - |
| Pelbagai Pemiutang dan akruan | | **13,239,367** | 1,864,343 | **1,351,703** | 576,714 |
| Wang Cagaran, Deposit & Pendahuluan | | **(1,028,892)** | 5,035,170 | **(988,147)** | 4,567,410 |
| Dana Masjid | | **(138,588)** | (67,606) | **(138,588)** | (67,606) |
| Tunai Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi | | **(16,492,458)** | 49,297,186 | **(18,428,977)** | 56,035,754 |

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009 (SAMB.)

| | | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| Hibah Bank | | **3,684,605** | 3,589,602 | **3,341,890** | 3,589,602 |
| Cukai Dibayar | | **(472,008)** | (186,759) | **-** | - |
| Zakat Dibayar | | **(27,000)** | (63,494) | **-** | - |
| Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi | | **(13,306,861)** | 52,611,716 | **(15,087,087)** | 59,625,356 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Terimaan Sewa Beli | | **-** | 140,004 | **-** | - |
| Pembayaran Sewa Beli | | **373,334** | (1,010,103) | **-** | - |
| Pembayaran Pinjaman Mudah Kerajaan Negeri | | **(433,333)** | - | **-** | - |
| Faedah Sewa dibayar | | **(30,580)** | (24,819) | **-** | - |
| Pendapatan Geran Pengurusan | | **12,000,000** | 14,000,000 | **-** | - |
| Tabung Biasiswa Rektor | | **(1,079,864)** | 962,973 | **-** | - |
| Pembayaran Balik BBA | | **(1,548,824)** | (987,690) | **(1,068,824)** | - |
| Tunai Bersih Dihasilkan Untuk Aktiviti Pembiayaan | | **9,280,733** | 13,080,365 | **(1,068,824)** | (987,690) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian Aset Tetap | | **(12,450,688)** | (4,486,477) | **(3,004,334)** | (1,858,698) |
| Dividen Dari Pelaburan | | **52,966** | (84,393) | **52,966** | 65,607 |
| Pertambahan / Pengurangan Dalam Pelaburan | | **-** | 52,168 | **-** | 52,168 |
| Pertambahan/Pengurangan Pelaburan Anak Syarikat | | **(98,000)** | (82,508) | **-** | (2,508) |
| Kerja Dalam Kemajuan | | **(528,000)** | (201,292) | **(528,000)** | (201,292) |
| Aliran Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan | | **(13,023,721)** | (4,802,502) | **(3,479,369)** | (1,944,723) |
| Pertambahan Bersih Tunai dan Bersamaan Tunai | | **(17,049,849)** | 60,914,398 | **(19,635,279)** | 56,692,942 |
| Tunai dan Tunai Bersama Tunai Awal Tahun | | **240,134,129** | 179,219,731 | **224,962,833** | 168,269,891 |
| **Tunai Bersamaan Tunai Akhir Tahun** | 33 | **223,084,280** | 240,134,129 | **205,327,554** | 224,962,833 |

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini*

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

### 1. MAKLUMAT AM

Majlis Agama Islam Selangor adalah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Aktiviti utama Majlis adalah melaksanakan pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada lapan (8) asnaf iaitu fakir, miskin, muallaf, amil, fisabilillah, al-riqab, al-gharimin dan ibnu sabil melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) diperbadankan pada 2 Oktober 2006 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang mana ianya berfungsi sebagai amil bagi pungutan dan agihan zakat di negeri Selangor.

Majlis juga berperanan dalam mengembangkan sumber perolehan Baitulmal dan Wakaf selaras dengan tanggungjawab Majlis untuk meningkatkan serta memajukan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam, amnya di Negeri Selangor berdasarkan hukum syarak. Manakala, sumber wakaf yang diterima akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut Fasal 39, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

**(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Majlis disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Badan Berkanun 1980 dan diubahsuai mengikut garis panduan di dalam Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan piawaian-piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang diluluskan di Malaysia.

**(b) Asas Penyatuan**

Akaun-akaun yang disatukan termasuk akaun Majlis Agama Islam Selangor dengan akaun beraudit syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Hasil syarikat subsidiari bagi tahun 2009 telah disatukan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan kumpulan. Semua urusniaga di antara syarikat subsidiari telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga luar sahaja.

Keuntungan dan kerugian yang diiktiraf oleh  syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti bermula dari tarikh pengaruh penting wujud secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

**(c) Harta-harta Pemilikan**

i. Harta-harta pemilikan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai aset  yang dibawa dan diambilkira ke dalam penyata pendapatan.

ii. Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaanya seperti berikut :

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan | 20% - 25% |
| Peralatan | 10% - 20% |
| Perabot dan Kelengkapan | 10% - 20% |
| Komputer | 20% - 33.5% |
| Alatan Klinik, Farmasi dan Asrama | 10% - 20% |
| Peralatan elektrik, Penghawa Dingin dan Generator | 10% - 20% |
| Pengubahsuaian | 10% |
| Tanah | Mengikut Tempoh Pajakan |

**(d) Kerja Dalam Kemajuan**

Perbelanjaan bersabit dengan pembangunan projek, bangunan dan pelbagai perbelanjaan yang secara langsung berkait dengannya dipermodalkan sebagai harta tetap setelah selesai kerja-kerja menyiapkan projek.

**(e) Pelaburan**

i. Pelaburan Saham Tersiar Harga

Pelaburan Saham Tersiar Harga dinyatakan pada kos tolak jumlah peruntukan atau dihapuskan bagi sebarang pengurangan tetap dalam nilai atau pada penilaian oleh para pengarah dengan mengambilkira nilai-nilai ketara bersih.

ii. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan Majlis dalam syarikat subsidiari telah dikontrakan dalam akaun disatukan manakala di peringkat akaun Majlis, pelaburan dalam syarikat subsidiari dicatitkan pada harga kos yang dilaburkan oleh Majlis.

iii. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah ditunjukkan pada kos campur keuntungan/kerugian syarikat bersekutu yang dilaburkan.

iv. Lain-lain Pelaburan

Pelaburan-pelaburan jangka panjang lain dinyatakan pada kos tolak jumlah yang diperuntukkan bagi pengurangan tetap dalam nilai, jika ada.

**(f) Inventori**

Inventori dinilaikan mengikut nilai yang lebih rendah antara kos (menggunakan kaedah kos purata berwajaran) dan nilai terealisasi bersih.

**(g) Penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran atas hutang ragu telah dibuat berdasarkan ke atas semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Hutang lapuk dilupuskan pada tempoh dikenalpasti.

**(h) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai setara yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(i) Sewa Beli dan Pajakan

Aset dibawah sewa beli dan pajakan yang pada asasnya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berhubung dengan pemilikan aset Kumpulan dan Majlis (pajakan kewangan) adalah dipermodalkan dibawah Hartanah Loji dan Peralatan dan obligasi yang sepadan diperlakukan sebagai liabiliti.

Aset dan liabiliti pajakan berkaitan dicatat pada nilai muka aset pajakan (yang berasaskan anggaran nilai semasa bayaran pajakan minimum dari permulaan tempoh pajakan). Perbelanjaan kewangan bagi sewa pajak diambilkira dalam penyata kewangan sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garislurus. Pajakan yang tidak memenuhi kriteria berkenaan dianggap sebagai pajakan operasi dan bayaran pajakan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan semasa dijelaskan.

**(j) Polisi Geran**

i. Geran Berkaitan Pendapatan

Geran Berkaitan Pendapatan terbit bila mana Majlis memberi anugerah bantuan geran sebagai balasan kepada pematuhan syarat oleh syarikat subsidiari dalam aktiviti operasi. Geran berkaitan pendapatan adalah diakaunkan terus ke penyata pendapatan apabila ianya diberi.

ii. Geran Kerajaan - berkaitan aset

Geran Kerajaan - berkaitan aset terbit bila mana kerajaan negeri memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan syarikat subsidiari memperolehi, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang. Geran tersebut kemudiannya dilunaskan ke penyata pendapatan mengikut jangka hayat aset berkenaan seperti mana nisbah susut nilai yang dikenakan ke atas aset berkenaan.

**(k) Hasil Sumber Wakaf**

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan Saham Wakaf dan jika diterima digunakan berdasarkan peruntukan 33, Bahagian VIII Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut Fasal 39, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, 1999.

**( l ) Perletakan Hak Tanah Wakaf**

Majlis adalah pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak dalam Negeri Selangor berdasarkan Fasal 32, bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7, 1999.

**( m ) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ketahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh dicapai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tahun apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan Majlis dimana cukai tertunda dimasukkan ke dalam ihsan atau ihsan negatif yang terhasil.

**( n ) Manfaat Pekerja**

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan kumpulan dan Majlis. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Wajib

Pihak majikan perlu menyediakan pelan caruman wajib sebagai ganjaran selepas perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ia ditanggung.

**( o ) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan di dalam Lembaran Imbangan merangkumi baki tunai dan bank, pelaburan, pemiutang, penghutang dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai dinyatakan secara individu di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

**( p ) Tunai dan Bersamaan Tunai**

Tunai dan bersamaan tunai mengandungi tunai dalam tangan dan di bank, pelaburan Al-Mudharabah jangka pendek dengan bank berlesen, pelaburan-pelaburan mudahniaga dan overdraf.

## 3. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

### (a) Kumpulan Wang Zakat

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | |
| Zakat Fitrah | **16,618,483** | 12,267,963 |
| Zakat Tanaman | **2,275,729** | 1,698,834 |
| Zakat Perniagaan | **51,798,892** | 46,142,219 |
| Zakat Harta | **24,821,433** | 24,330,024 |
| Zakat Emas | **593,028** | 497,940 |
| Zakat Ternakan | **23,526** | 15,957 |
| Zakat Perak | **2,688** | 5,476 |
| Zakat Qadha | **667,374** | 772,997 |
| Zakat Saham | **1,456,560** | 1,271,859 |
| Zakat Simpanan | **25,797,203** | 22,110,563 |
| Zakat KWSP | **5,760,752** | 4,599,680 |
| Zakat Pendapatan | **153,971,378** | 130,759,372 |
| | **283,787,046** | 244,472,884 |
| Keuntungan Pelaburan Mudharabah | **2,797,507** | 3,022,693 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | **156,792** | 147,345 |
| Lebihan Peruntukan Agihan Tahun Sebelum | **8,772,356** | 5,056,517 |
| Lain-lain Pendapatan | **84,017** | - |
| | **295,597,718** | 252,699,438 |
| **PERBELANJAAN** | | |
| Fakir | **38,944,969** | 15,844,562 |
| Miskin | **81,340,286** | 52,819,373 |
| Amil | **35,473,381** | 30,396,961 |
| Muallaf | **16,953,858** | 11,989,681 |
| Fisabilillah | **111,893,337** | 68,829,270 |
| Ibn Sabil | **1,081,027** | 699,808 |
| Al-Gharim | **30,169,873** | 18,976,522 |
| Riqab | **1,627,820** | 1,089,512 |
| | **317,484,550** | 200,645,689 |
| **LEBIHAN/(KURANGAN)** | **(21,886,833)** | 52,053,748 |

**(b) Kumpulan Wang Baitulmal**

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | | |
| Sewaan | **6,164,630** | 6,236,607 | **6,580,787** | 6,477,807 |
| Tebus Harta Pesaka | **692,121** | 1,120,733 | **692,121** | 1,120,733 |
| Pelbagai Hasil Pesaka | **394,055** | 322,672 | **394,055** | 322,672 |
| Harta Diserah | **53,927** | 35,114 | **53,927** | 35,114 |
| Pelbagai Terimaan Hasil | **800,115** | 87,451 | **800,115** | 87,451 |
| Sumbangan & Pemberian | **-** | 20,000 | **-** | 20,000 |
| Hasil Projek | **-** | 7,191,138 | **-** | 7,191,138 |
| Dividen Pelaburan Saham | **52,966** | 65,607 | **52,966** | 65,607 |
| Keuntungan Pelaburan Mudharabah | **223,954** | 251,580 | **223,954** | 251,580 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | **1,710** | 2,708 | **1,710** | 2,708 |
| | **8,383,478** | 15,333,610 | **8,799,634** | 15,574,810 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | | | | |
| Keuntungan Jualan Harta Tetap | **5,067,859** | 997,811 | **5,067,859** | 997,811 |
| Terimaan Bukan Hasil | **2,100** | 38,326 | **2,100** | 38,326 |
| Peningkatan Nilai Saham | **2,055,721** | - | **2,055,721** | - |
| | **7,125,680** | 1,036,138 | **7,125,680** | 1,036,138 |
| | **15,509,157** | 16,369,747 | **15,925,314** | 16,610,947 |
| **PERBELANJAAN** | | | | |
| Emolumen | **4,522,036** | 4,016,932 | **4,522,036** | 4,016,932 |
| Bekalan & Perkhidmatan | **604,093** | 685,030 | **604,093** | 685,030 |
| Bekalan Bahan & Lain-lain | **351,045** | 279,737 | **351,045** | 279,737 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | **988,857** | 446,807 | **1,048,477** | 672,863 |
| Perkhidmatan Ikhtisas & Honororium | **1,043,344** | 1,022,215 | **1,043,344** | 1,022,215 |
| Pemberian & Bayaran Tetap | **1,115,577** | 702,088 | **1,115,577** | 702,088 |
| Perbelanjaan Lain | **713,136** | 378,984 | **713,136** | 378,984 |
| Kenaan dan Caj Perkhidmatan | **435,653** | 531,811 | **435,653** | 531,811 |
| | **9,773,741** | 8,063,604 | **9,833,361** | 8,289,660 |
| Rosot Nilai Pelaburan | **-** | 2,936,744 | **-** | 2,936,744 |
| Susutnilai Aset Tetap | **1,615,359** | 1,528,203 | **1,615,359** | 1,528,203 |
| Hutang Ragu dan Hapuskira | **822,515** | 100,132 | **822,515** | 100,132 |
| | **12,211,615** | 12,628,684 | **12,271,235** | 12,854,740 |
| **LEBIHAN/(KURANGAN)** | **3,297,542** | 3,741,064 | **3,654,079** | 3,756,208 |

## (c) Kumpulan Wang Wakaf

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | |
| Saham Wakaf Selangor * | **1,531,349** | 975,604 |
| Pelbagai Pendapatan Wakaf | **92,136** | 261,466 |
| Sewaan Premis Wakaf | **224,650** | 181,400 |
| Keuntungan Pelaburan Mudharabah | **54,860** | 163,474 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | **7,067** | 1,803 |
| | **2,010,062** | 1,583,747 |
| **PERBELANJAAN** | | |
| Bekalan & Perkhidmatan | **7,068** | - |
| Bekalan Bahan & Lain-lain | **67,423** | 18,659 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | **108,549** | 100,608 |
| Perkhidmatan Ikhtisas & Honororium | **106,741** | 149,404 |
| Pemberian & Bayaran Tetap | **64,971** | - |
| Perbelanjaan Lain | **44,202** | 113,559 |
| Susutnilai Aset Tetap | **113,669** | 93,274 |
| Hutang Ragu dan Hapuskira | **41,490** | 1,400 |
| | **554,113** | 476,903 |
| **LEBIHAN/(KURANGAN)** | **1,455,949** | 1,106,844 |

- Saham Wakaf Selangor (SWS) adalah satu cara berwakaf melalui wang tunai iaitu dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh Majlis sebagai pemegang amanah dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selama-lamanya dengan tujuan demi kepentingan dan kebajikan ummah.

**(d) Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi Syarikat Subsidiari**

Pendapatan dan perbelanjaan operasi adalah perolehan dan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat subsidiari Majlis, urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dan Majlis telah dihapuskan semasa penyatuan.

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | |
| Pendapatan Yuran dan Operasi Kolej | **47,846,459** | 37,541,569 |
| Pendapatan Projek dan Jualan | **8,412,853** | 7,786,690 |
| Pendapatan Sewaan Khemah & Pembersihan | **1,137,819** | 1,407,714 |
| Perkhidmatan Dialisis | **5,442,441** | 4,630,583 |
| | **62,839,572** | 51,366,556 |
| **KOS JUALAN** | | |
| Perbelanjaan Staff Akademik | **16,847,669** | 14,813,966 |
| Sewa Asrama | **9,502,761** | 4,718,559 |
| Perbelanjaan aktiviti pelajar | **3,937,162** | 1,864,416 |
| Projek pembangunan | **6,221,781** | 6,156,242 |
| Jualan Barangan | **769,384** | 497,685 |
| Khemah dan pembersihan | **819,811** | 1,125,044 |
| Perkhidmatan Dialisis | **2,257,709** | 2,748,669 |
| | **40,356,277** | 31,924,581 |
| **KEUNTUNGAN KASAR** | **22,483,295** | 19,441,975 |
| **LAIN-LAIN PENDAPATAN** | | |
| Pendapatan Geran | **12,000,000** | 14,000,000 |
| Lain-lain pendapatan * | **3,310,652** | 2,151,767 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | **37,793,947** | 35,593,742 |
| Perbelanjaan Operasi & Pentadbiran | **28,812,308** | 19,771,902 |
| Kos kewangan | **30,580** | 24,819 |
| **KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM CUKAI & ZAKAT** | **8,951,059** | 15,797,021 |

- Termasuk dalam lain-lain pendapatan ialah hibah bank dan sumbangan yang diterima.

## 4. CUKAI

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Cukai tahun semasa | **69,709** | 162,447 | **-** | - |

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut :

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Lebihan sebelum cukai | **(8,186,649)** | 72,706,488 | **(16,776,805)** | 56,916,801 |
| Cukai pada kadar 20% (2008:20%) ke atas RM500,000 (2008:RM500,000) yang pertama bagi pendapatan yang dikenakan cukai | **70,072** | 345,765 | **-** | 100,000 |
| Cukai pada kadar 25% (2008:26%) ke atas baki pendapatan yang dikenakan cukai | **70,072** | 19,751,876 | **-** | 2,387,685 |
| Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam menentukan keuntungan bercukai | **938,805** | 703,775 | **-** | (2,487,685) |
| Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dikenakan cukai | **(3,000,000)** | (20,639,627) | **-** | **-** |
| Pendapatan bukan perniagaan yang dikenakan cukai | **-** | - | **-** | **-** |
| Kekurangan/lebih peruntukkan pada tahun-tahun lepas | **(363)** | 658 | **-** | **-** |
| | **69,709** | 162,447 | **-** | - |

## 5. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Baki pada awal tahun** | **9,492,504** | 9,291,212 | **3,826,688** | 3,625,396 |
| (-) Pindahan pada tahun semasa | **(3,346,918)** | 80,000 | **(3,346,918)** | 80,000 |
| | **6,145,586** | 9,371,212 | **479,770** | 3,705,396 |
| (+) Pertambahan tahun semasa | **528,000** | 121,292 | **528,000** | 121,292 |
| Baki pada akhir tahun | **6,673,586** | 9,492,504 | **1,007,770** | 3,826,688 |

Kerja Dalam Kemajuan merupakan perbelanjaan modal Kumpulan Majlis Agama Islam Selangor dalam projek-projek pembangunan hartanah untuk menambahkan pemilikan harta Majlis . Pindahan dalam tahun semasa adalah termasuk pindahan ke aset tetap bagi projek pembangunan Pangsapuri Seksyen 16.

## 6. PELABURAN DALAM SAHAM TERSIAR HARGA

Pelaburan saham yang dilaksanakan oleh Majlis adalah di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai dasar dan aktiviti selaras dengan Hukum Syarak serta diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

Pelaburan Majlis adalah seperti berikut :

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| ***Pada kos :*** | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad. | **8,087,593** | 8,087,593 |
| C.I Holdings Berhad | **2,000** | 2,000 |
| | **8,089,593** | 8,089,593 |
| Peruntukan rosot nilai pelaburan | **1,039,408** | (3,095,128) |
| | **7,050,185** | 4,994,465 |
| **Nilai pasaran pada 31 Disember** | | |
| Bank Islam Malaysia Berhad. | **7,048,185** | 4,992,465 |

## 7. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Kos pelaburan | **3,973,023** | 3,970,515 |
| Pertambahan dari penstrukturan semula syarikat subsidiari | **-** | 2,508 |
| Kos pelaburan saham pada 31 Disember | **3,973,023** | 3,973,023 |

Senarai kepentingan Majlis dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut :

| | Nama Syarikat | Pegangan Ekuiti | | Aktiviti utama |
|---|---|---|---|---|
| | | 2009 | 2008 | |
| 1. | MAIS Corporation Sdn Bhd dan syarikat subsidiarinya | 100% | 100% | Pelaburan dan pengurusan entiti |
| | • MAIS Construction & Properties Sdn Bhd | 100% | 100% | Kontraktor projek |
| | • MAIS Trading Sdn Bhd | 100% | 100% | Perdagangan dan perkhidmatan |
| | • MAIS Services Sdn Bhd | 100% | 100% | Perkhidmatan pembersihan |
| | • MAIS Energy Sdn Bhd | 100% | 100% | Perdagangan berasaskan gas dan petroleum |
| | • MAIS Healthcare Sdn Bhd | 100% | 100% | Perkhidmatan kesihatan dan syarikat subsidiarinya |
| | • Bakti Suci Nefro Sdn Bhd | 80% | 80% | Perkhidmatan Kesihatan |
| | • MAIS Agrobase Sdn Bhd | 100% | 100% | Tidak Aktif |
| | • MAIS Travel & Tours Sdn Bhd | 100% | 100% | Tidak Aktif |
| | • MAIS Capital Sdn Bhd | 100% | - | Tidak Aktif |
| 2. | MAIS Zakat Sdn Bhd | 100% | 100% | Tidak Aktif |
| 3. | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd | 100% | 100% | Institut pengajian tinggi |

***Nota :***

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd telah meningkatkan modal yang dibenarkan daripada RM 10,000,000 kepada RM25,000,000 dengan mewujudkan 15,000,000 saham biasa bernilai RM 1 setiap satu saham dan meningkatkan modal saham berbayar sebanyak RM 10,000,000 dengan mewujudkan saham bonus sebanyak 2 unit saham bonus bagi setiap satu unit saham yang dimiliki MAIS, dengan mempermodalkan keuntungan terkumpul.

Kumpulan MAIS Corporation telah menerbitkan saham biasa sebanyak RM 2,004,000 dibahagikan kepada 2,004,000 unit saham biasa bernilai RM 1.00 sesaham dalam tahun semasa secara terbitan saham bonus.

## 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Saham pada kos | **4,280,912** | 4,182,912 | **4,182,912** | 4,182,912 |
| Bahagian keuntungan/(kerugian) terkumpul | **(3,179,739)** | (3,187,550) | **-** | - |
| Bahagian keuntungan tahun semasa | **(4,366)** | 7,811 | | |
| | **1,096,807** | 1,003,173 | **4,182,912** | 4,182,912 |
| Pembahagian aset bersih dalam Syarikat Bersekutu | **1,096,807** | 1,003,173 | **4,182,912** | 4,182,912 |

Butir syarikat bersekutu Majlis adalah seperti berikut :

**Pegangan Secara Langsung**

| NAMA SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI | | AKTIVITI UTAMA |
|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | |
| 1. Hospital Pusrawi SMC Sdn Bhd | 47.72% | 47.72% | Perkhidmatan Perubatan |
| **Pegangan Secara Tidak Langsung** | | | |
| MAIS Energy Sdn Bhd<br>dan syarikat bersekutunya | | | |
| 1. MAIS NGV Gas (M) Sdn Bhd | 49% | - | Perdagangan berasaskan gas |

## 9. LAIN-LAIN PELABURAN

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Syarikat Permodalan Selangor Berhad | **150,000** | 150,000 |
| | **150,000** | 150,000 |

## 10. INVENTORI

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2007 | 2008 |
| | RM | RM |
| Buku Perbendaharaan Al-Quran | **2,162,765** | 425,000 |
| Barang-barang ibadah dan permaidani | **83,905** | 84,280 |
| | **2,246,670** | 509,280 |

## 11. PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pinjaman Kakitangan | **81,421** | 88,496 | **81,421** | 88,496 |
| Tanah Pesaka | **1,747,176** | 1,793,952 | **1,747,176** | 1,793,952 |
| Sewa Premis | **2,421,085** | 1,450,292 | **2,421,085** | 1,450,292 |
| Pendahuluan projek | **1,789,716** | 1,297,173 | **1,789,716** | 1,297,173 |
| Penghutang Perniagaan | **32,062,957** | 28,542,427 | **148,474** | 2,057,432 |
| | **38,102,355** | 33,172,341 | **6,187,872** | 6,687,345 |
| Tolak: Elaun hutang ragu | **(629,919)** | (348,727) | **(629,919)** | (348,727) |
| | **37,472,436** | 32,823,614 | **5,557,953** | **6,338,618** |

## 12. PELBAGAI PENGHUTANG, PRABAYAR DAN DEPOSIT

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai Penghutang dan Prabayar | **7,401,227** | 3,522,395 | **1,509,367** | 475,061 |
| Pelbagai Deposit | **346,133** | 461,578 | **238,831** | 180,518 |
| | **7,747,360** | 3,983,973 | **1,748,198** | **655,579** |

## 13. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

| | KUMPULAN DAN MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Hospital Pusrawi SMC Sdn Bhd | **-** | 348,088 |

Pendahuluan kepada syarikat bersekutu tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada tempoh tetap untuk pembayaran semula.

## 14. QARDUL HASSAN

Pinjaman diberikan oleh Majlis kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi membiayai pembelian Hartanah di SS 14, Shah Alam dan pinjaman ini mempunyai tempoh bayaran balik seperti mana yang telah ditetapkan.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Lembaga Zakat Selangor | **5,750,964** | 348,088 |
| | **5,750,964** | 348,088 |

## 15. WANG DALAM PERJALANAN

Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan saham wakaf di kaunter-kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS), agen-agen Bank yang belum dipindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Kutipan Zakat di Kaunter LZS | **23,125,419** | 50,113,081 |
| Kutipan Saham Wakaf di kaunter LZS | **77,870** | 67,490 |
| Zakat Fitrah Di Bank Simpanan | **-** | 153,835 |
| | **23,203,289** | 50,334,406 |

## 16. PELABURAN MUDHARABAH

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Pelaburan Mudharabah jangka pendek Di Institusi Kewangan Berlesen :** | | | | |
| Kumpulan Wang Zakat | **108,000,526** | 136,385,973 | **108,000,526** | 136,385,973 |
| Kumpulan Wang Baitulmal | **7,754,316** | 9,453,573 | **7,754,316** | 9,453,573 |
| Kumpulan Wang Wakaf | **14,200,000** | 5,950,000 | **14,200,000** | 5,950,000 |
| Kumpulan Wang Amanah | **3,890,000** | 6,980,000 | **3,890,000** | 6,980,000 |
| Kumpulan Wang Dana Masjid | **400,000** | 500,000 | **400,000** | 500,000 |
| Pelaburan oleh Syarikat Subsidiari | **15,616,100** | 13,184,638 | **-** | - |
| | **149,860,943** | 172,454,184 | **134,244,843** | 159,269,546 |

***Nota :***

Pelaburan Mudharabah Majlis dan syarikat subsidiari adalah terdiri daripada akaun pelaburan jangka pendek di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak. Kadar keuntungan pelaburan di antara 1.8% - 3.58% (2008: 3.15% - 3.59%).

## 17. WANG TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

Wang tunai di tangan dan di bank bagi kumpulan adalah baki akaun semasa Majlis dan syarikat subsidiari.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Majlis Agama Islam Selangor | **47,879,422** | 13,358,880 |
| MAIS Corporation Sdn Bhd dan Syarikat Subsidiari | **420,478** | 837,510 |
| MAIS Zakat Sdn Bhd | **-** | - |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd | **1,682,648** | 1,141,648 |
| | **49,982,548** | 17,338,038 |

Wang tunai di tangan dan di bank Majlis adalah baki akaun-akaun semasa Majlis, seperti berikut ;

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Akaun Zakat | **42,888,278** | 14,001,455 |
| Akaun Baitulmal | **1,438,090** | 132,574 |
| Akaun Wakaf | **1,839,154** | 624,871 |
| Akaun Amanah | **1,619,995** | 462,804 |
| Akaun Dana Masjid | **92,587** | 131,17 |
| Tunai di Tangan | **1,318** | 6,000 |
| | **47,879,422** | 15,358,880 |

Akaun bank syarikat subsidiari dan Majlis adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

## 18. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah Amanah yang diwujudkan melalui Bahagian VI, Undang-Undang Negeri Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)2003.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Derma Pusat Pengajian U.K. | **-** | 1,222 |
| Sewaan Tanah JAIS | **2,614,641** | 2,068,342 |
| Elaun Pegawai Penyelaras Masjid | **134,401** | 105,042 |
| Projek Kompleks Asrama Pendidikan Anak Asnaf Kg. Perepat Klang | **472,311** | 3,250,967 |
| Tabung Sumbangan Anak Yatim | **16,168** | 91,058 |
| Peruntukan bagi Pusat Pembangunan Kelaurga Islam (PKKI) Dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) | **14,470** | 26,590 |
| Imbuhan Khas Pegawai Penyelaras Masjid | **17,855** | 13,310 |
| Masjid Jamek Kalompang (Sg.Gumut) | **-** | 666 |
| Pembinaan Projek Pembangunan Fakulti Undang-undang dan Kejururawatan | **1,144,821** | 1,122,207 |
| SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang | **49,178** | 49,178 |
| Tabung Derma Hari Quds Negeri | **2,751** | 13,051 |
| Kajian Analisis kes-kes Murtad Negeri | **6,536** | 22,893 |
| Bulan Kualiti MAIS | **4,437** | - |
| Tabung Penyelenggaraan *(Sinking Fund)* | **196,720** | - |
| Pembangunan Tanah Seksyen 16, Shah Alam | **245,773** | - |
| Buku Lengkap Ibadah Harian Umat Islam Negeri Selangor | **63,000** | - |
| Wang Derma Hj Zainal Abidin Omar & Asiha Mohd | **40,000** | - |
| Tabung Derma Bencana Gempa Padang | **53,000** | - |
| Kad Nikah Pintar | **33,370** | - |
| Rapid Test HIV | **234,923** | 388,577 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | **19,827** | 16,134 |
| Keuntungan Pelaburan Mudharabah | **492** | 207,636 |
| Pelbagai Terimaan | **141,661** | 60,971 |
| | **5,509,535** | 7,442,345 |

## 19. WAKAF KHAS

Wakaf Khas merupakan sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No : 7, 1999.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Wakaf Khas terdiri daripada : | | |
| i. Saham Wakaf Khas | **9,104,893** | 3,132,636 |
| ii. Manfaat Wakaf Khas | **1,789** | - |
| | **9,106,682** | 3,132,636 |

### i. SAHAM WAKAF KHAS

Kutipan Saham Wakaf Khas merupakan kutipan yang dibuat dengan maksud tujuannya yang tertentu. Kutipan ini dibuat berdasarkan permohonan daripada pihak luar kepada pihak MAIS.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Masjid Taman Bandaran | **40,749** | 53,449 |
| Masjid Kunci Air Buang | **11,841** | 11,841 |
| Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz | **640,244** | 940,244 |
| Masjid Bukit Jelutung | **6,009,201** | - |
| Surau At-Taufiqiyyah | **162,932** | 98,326 |
| Surau Al-Ikhwan | **134,230** | - |
| Surau Al-Yaqeen | **4,381** | - |
| Surau Taman Medan | **11,230** | - |
| Surau Sayidina Umar | **45,320** | - |
| Surau Al-Husna | **6,420** | - |
| KAFA Integrasi | **2,802** | 2,802 |
| SRA Pulau Indah | **2,000,000** | 2,000,000 |
| SMK TTDI Jaya | **34,320** | 24,750 |
| Rumah Amal Limpahan Kasih | **265** | 265 |
| Yayasan ABIEDAMI | **960** | 960 |
| | **9,104,893** | 3,132,636 |

### ii. MANFAAT WAKAF KHAS

Merupakan terimaan hasil yang diperolehi daripada harta wakaf di mana kegunaannya telah ditetapkan berdasarkan niat oleh pewakaf tersebut.

## 20. ISTIBDAL WAKAF

Istibdal adalah menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya samada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang menurut hukum syarak seperti mana yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No:7,1999. Nilai yang ditunjukkan adalah merupakan terimaan daripada jualan harta tanah wakaf.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Tanah di Mukim Setapak, Gombak | **340,411** | - |
| Tanah di Telok Gadong, Klang | **2,024,567** | - |
| | **2,364,978** | - |

Pada tahun 2008 jumlah Istibdal ini telah dinyatakan di dalam kategori Wang Cagaran, Deposit dan Pendahuluan.

## 21. PERUNTUKAN PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT

Peruntukan pendahuluan agihan zakat merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak Majlis) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan UiTM bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah diperuntukan tetapi belum dijelaskan (bayar).

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Pendahuluan kepada LZS | **2,197,780** | 9,830,512 |
| Pendahuluan kepada UITM | **-** | (472,703) |
| | **2,197,780** | 9,357,809 |

## 22. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai Pemiutang | **6,879,849** | 4,488,076 | **1,808,211** | 1,357,183 |
| Pemiutang Tajaan | **928,769** | 145,905 | **-** | - |
| Perbelanjaan Akruan | **18,504,235** | 11,601,170 | **8,462,185** | 7,561,510 |
| Yuran Audit | **-** | 64,200 | **-** | - |
| Pelbagai Pemiutang - Sewa Beli | **1,133,924** | 623,250 | **-** | - |
| Pendapatan Tertunda | **6,754,609** | 4,039,419 | **-** | - |
| | **34,201,386** | 20,962,019 | **10,270,396** | 8,918,693 |

## 23. WANG CAGARAN, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Prabayar, deposit Sewa Premis Dan Utiliti | **1,166,495** | 1,760,614 | **1,171,595** | 1,092,319 |
| Deposit Jualan Tanah & Premis | **5,169,107** | 5,907,047 | **5,169,107** | 5,907,047 |
| Istibdal Tanah Wakaf | **-** | 340,000 | **-** | 340,000 |
| Cagaran Tender | **18,167** | 7,650 | **18,167** | 7,650 |
| Lain-lain Pendahuluan diterima | **2,490,100** | 1,857,450 | **-** | - |
| | **8,843,869** | 9,872,761 | **6,358,869** | 7,347,016 |

## 24. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Jumlah terhutang : | | |
| - Dalam masa 1 tahun | **1,504,160** | 1,504,160 |
| - Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun | **5,264,559** | 6,768,719 |
| | **6,768,719** | 8,272,879 |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh | **(951,666)** | (1,387,002) |
| | **5,817,053** | 6,885,877 |
| **Bahagian yang perlu dibayar:** | | |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun | **1,143,813** | 1,068,814 |
| Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun | **4,673,240** | 5,817,063 |
| | **5,817,053** | 6,885,877 |

Kadar caj pembiayaan adalah pada 6.8%
Tempoh Pembiayaan 10 Tahun

Pembiayaan ini adalah pembiayaan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Selangor daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan membiayai projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan 39 unit kedai di Seksyen 3 Shah Alam.

## 25. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimenterai di antara salah sebuah syarikat subsidiari dengan Bank Islam (M) Berhad berkaitan dengan perkongsian pembiayaan projek pangsapuri di atas sebidang tanah milik Majlis di Telok Gadong, Klang, Selangor Darul Ehsan yang dimajukan oleh MAIS Construction and Properties Sdn Bhd.

## 26. PINJAMAN MUDAH DARI KERAJAAN NEGERI

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 (2008: RM4,000,000), yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2009.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri | **3,566,667** | 4,000,000 |

## 27. GERAN KERAJAAN NEGERI – BERKAITAN ASET

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | **119,000** | 126,000 |
| Pelunasan – dipindah pada penyata pendapatan | **(7,000)** | (7,000) |
| **Baki pada 31 Disember** | **112,000** | 119,000 |

## 28. SEWA BELI JANGKA PANJANG

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| **Jumlah terhutang :** | | |
| Pemiutang pajakan | **2,882,822** | 1,904,954 |
| Tolak: Caj Pembiayaan Tertangguh | **(149,807)** | (55,947) |
| | **2,733,015** | 1,849,007 |
| **Bahagian yang perlu dibayar :** | | |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun (termasuk dalam Pelbagai Pemiutang nota 23) | **1,133,924** | 623,250 |
| **Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun** | **1,599,091** | 1,225,757 |
| | **2,733,015** | 1,849,007 |

## 29. TABUNG BIASISWA REKTOR

Tabung biasiswa rektor merupakan tabung yang diwujudkan oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn Bhd (KUIS) sebuah syarikat subsidiari Majlis untuk membiayai pelajar asasi yang mengekalkan prestasi purata nilai gred (PNG) tidak kurang dari 3.0.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | **1,462,973** | 500,000 |
| Tambahan : Peruntukan dan terimaan sumbangan | **-** | 1,234,505 |
| Tolak : Pembiayaan semasa | **(1,079,864)** | (271,532) |
| **Baki pada 31 Disember** | **383,109** | 1,462,973 |

## 30. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul KUMPULAN adalah melibatkan perkara seperti berikut :

| | BAKI PADA AWAL TAHUN | PELARASAN TAHUN LEPAS | BAKI SELEPAS PELARASAN |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | |
| **Kumpulan Wang** | | | |
| Kumpulan Wang Zakat | **190,156,923** | (179,605) | 189,977,318 |
| Kumpulan Wang Baitulmal | **76,953,663** | 78,742 | 77,032,403 |
| Kumpulan Wang Wakaf | **4,860,833** | (8,118) | 4,852,715 |
| Syarikat Subsidiari dan Kumpulan | **30,865,954** | (198,855) | 30,667,099 |
| | **302,837,371** | (307,836) | **302,529,534** |

## 31. REZAB PENYATUAN AKAUN

Rezab penyatuan akaun merupakan bahagian kerugian terkumpul awal tahun bagi anak-anak syarikat yang disatukan dalam akaun kumpulan mulai tahun semasa.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2009 | 2008 |
| | RM | RM |
| MAIS Energy Sdn Bhd | **3,216** | - |
| MAIS Capital Sdn Bhd | **2,750** | - |
| | **5,966** | - |

## 32. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2009 | 2008 | 2009 | 2008 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelaburan Mudharabah | **149,860,943** | 172,454,184 | **134,244,843** | 159,269,546 |
| Tunai di Bank dan Tunai di Tangan | **49,982,548** | 17,338,038 | **47,879,422** | 15,358,880 |
| Wang Deposit dan Jaminan Bank | **37,500** | 7,500 | **-** | - |
| Wang Dalam Perjalanan | **23,203,289** | 50,334,406 | **23,203,289** | 50,334,406 |
| | **223,084,280** | 240,134,128 | **205,327,554** | 224,962,833 |

## 33. ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan bagi Penyata Kewangan yang disatukan antara Majlis dan syarikat subsidiari dalam kumpulan telah direklas-ifikasikan untuk pengesahan supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

Laporan
# OPERASI

# Laporan Operasi

Tahun 2009 merupakan tahun yang lebih mencabar dalam melaksanakan fungsi atau kewajipan MAIS. Mewujudkan sikap profesionalisme dan kecekapan dalam pengurusan serta kesediaan menerima pembaharuan dalam organisasi merupakan agenda utama yang harus dicapai.

Justeru itu bagi merealisasikan perkara-perkara tersebut, kuasa-kuasa MAIS telah diperkukuhkan dengan melaksanakan beberapa aktiviti dan kerjasama berbentuk bengkel, seminar dan mesyuarat di setiap peringkat pengurusan tertinggi, bahagian dan kakitangan.

## ORGANISASI MAIS

### Ahli MAIS

Ahli-ahli MAIS sesi 2009-2011 telah dilantik pada 8 Januari 2009 bertempat pada 8 Januari 2009 bertempat di Singgahsana Istana Bukit Kayangan. Ahli MAIS yang lama dikekalkan dengan penambahan dua ahli MAIS baru iaitu Y.A.D. Dato' Setia Abdul Halim bin Dato Haji Abdul Rauf dan Y. Bhg. Profesor Madya Dr. Halim bin Tamuri.

### Jawatankuasa Tetap/Anak Syarikat MAIS

Ahli-ahli jawatankuasa tetap/anak syarikat telah dilantik melalui perkenan Minit Mesyuarat MAIS bil. 1/2009 yang bersidang pada 19 Februari 2009. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah :

- Jawatankuasa Baitulmal
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Pengurusan Wakaf
- Jawatankuasa Sumber Manusia
- Jawatankuasa Undang-Undang
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Tatatertib
- Lembaga Rayuan Tatatertib
- Jawatankuasa Mualaf Negeri Selangor
- Jawatankuasa Pemantauan Preastasi dan Kemajuan Organisasi
- Jawatankuasa Kariah
- Jawatankuasa Tauliah
- Jawatankuasa Pengesahan Halal Negeri Selangor
- Jawatankuasa Pengawalan Akidah
- Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan
- Jawatankuasa Pembangunan Keluarga
- Jawatankuasa Hisbah
- Jawatankuasa Dakwah
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- Jawatankuasa Falak Negeri Selangor
- Jawatankuasa Faedah Mahkamah Syariah (JAKESS)
- Jawatankuasa Peguam Syarie
- Lembaga Zakat Selangor
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor bil. 2/2009 bersidang 14 Mei 2009 meluluskan cadangan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan MAIS Peringkat Daerah (Jawatankuasa MAIS Daerah) iaitu :

- Jawatankuasa MAIS Daerah Klang
- Jawatankuasa MAIS Daerah Kuala Selangor
- Jawatankuasa MAIS DaerahSabak Bernam
- Jawatankuasa MAIS Daerah Hulu Selangor
- Jawatankuasa MAIS Daerah Gombak
- Jawatankuasa MAIS Daerah Hulu Langat
- Jawatankuasa MAIS Daerah Sepang
- Jawatankuasa MAIS Daerah Kuala Langat
- Jawatankuasa MAIS Daerah Petaling

## FOKUS BAHAGIAN UNDANG-UNDANG MAIS

MAIS melalui Bahagian Undang-Undang telah mengadakan sesi penerangan mengenai kuasa-kuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 kepada ahli-ahli MAIS yang baru dilantik, pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional MAIS, JAIS, JAKESS dan anak-anak syarikat MAIS. Kuasa-kuasa MAIS tersebut antara isi kandungannya adalah :

- Menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian
- Menubuhkan perbadanan atau syarikat
- Bekerjasama dalam menjalankan apa-apa kegiatan dengan mana-mana pihak.
- Membuat apa-apa pelaburan yang dibenarkan
- Membuat apa-apa skim pinjaman daripada baitulmal
- Melakukan perkara lain suai untuk manfaat
- Menubuhkan sekolah Islam, institusi latihan dan penyelidikan
- Wasi sesuatu wasiat
- Pentadbir harta pusaka
- Pemegang amanah tunggal wakaf
- Memegang dan menikmati apa-apa harta alih dan tidak alih
- Pemegang amanah masjid
- Mengislamkan dan menjaga mualaf

Pada masa yang sama juga Bahagian Undang-undang MAIS telah mengadakan Kursus Pemahaman Syariah Negeri Selangor Siri 1 bertarikh 2-4 Mac 2009 bertempat di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS). Peserta terdiri daripada Ahli MAIS Sesi 2009-2011 Pegawai MAIS, JAIS, Jabatan Mufti, ahli akedemik dan NGO Islam.

### Kes Undang-Undang

Sepanjang bulan Januari hingga September 2009, terdapat beberapa kes dan isu undang-undang yang mencabar imej dan kewibawaan Majlis Agama Islam Selangor sebagai pihak berkuasa agama yang utama selepas DYMM Sultan. Antaranya adalah seperti berikut :



- Isu makluman status pengislaman kepada keluarga mualaf
- Perkembangan kes pengistiharan murtad
- Peranan Institusi Raja sebagai Ketua Agama Islam
- Penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam
- Kes Abdul Kahar Ahmad “Rasul Melayu”
- Pemerkasaan Baitulmal melalui Undang-Undang
- Kes tanah perkuburan Islam di Kota Kemuning Shah Alam
- Kes pengurusan jenazah allahyarham Mohamad Hazzery Shah Mohan bin Abdullah @ Mohan Singh A/L Janto Singh
- Isu Cadangan pindaan Undang-undang yang berkaitan dengan pertukaran agama.

Sebahagian daripada perkara ini telah menjadi isu nasional yang hangat diperkatakan di dalam media. MAIS sebagai pihak berkuasa agama yang utama selepas DYMM Sultan wajar memainkan peranan dalam membantu menyelesaikan permasalahan tersebut.

### Bengkel Munaqasyah Pemerkasaan MAIS

Bengkel Munaqasyah Pemerkasaan MAIS telah diadakan bertempat di Hotel Grand Bluewave Shah Alam pada 5-6 Februari 2009 bertujuan merancang blue print MAIS bagi menambah baik visi, misi dan strategi Majlis untuk tiga tahun 2009-2011.Tujuan tersebut adalah :

a. Memberi penerangan mengenai kuasa-kuasa MAIS di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 kepada ahli-ahli MAIS yang baru dilantik.



b. Mengadakan forum perbincangan dan perbahasan dalam membincangkan isu dan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 8, EPAINS 2003 serta pencapaian MAIS dan JAIS bagi tahun 2005-2008.

c. Merancang blue print MAIS bagi menambahbaik visi, misi dan strategi MAIS untuk tempoh tiga tahun (2009-2011). Sebanyak 76 resolusi telah dihasilkan daripada munaqsyah ini demi memantapkan lagi perjalanan institusi agama di negeri Selangor sama ada dari segi pengurusan, ekonomi, sosial dan juga undang-undang.

### Muzakarah Undang-Undang

Muzakarah ini telah dihadiri oleh NGO-NGO Islam dan wakil-wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertujuan untuk mendapat resolusi atau ketetapan sebulat suara sebagai forum penerangan dan perbahasan dalam membincangkan isu mengenai cadangan pindaan akta. isu pindaan 3 akta undang-undang Islam sejajar dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Tiga akta yang terbabit dalam pindaan itu ialah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Beberapa kertas kerja telah dibentangkan di dalam muzakarah ini antaranya ialah "Kesan Pindaan Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pertukaran Agama Terhadap Perkahwinan dan Hak Jagaan Anak" telah dibentangkan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan "Kesan Pindaan Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pertukaran Agama terhadap Akta Memperbaharui Perkahwinan dan Penceraian 1976" yang disampaikan oleh Y. Bhg. Datin Paduka Prof. Dr. Zaleha binti Kamarudin, Timbalan Pengarah IKIM merangkap Ahli MAIS.

## KUALITI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Tahun 2009 merupakan tahun yang memperlihatkan konsistensi MAIS sebagai badan yang dapat mengekalkan kecemerlangan dalam menguruskan tahap pengurusan kewangannya ke tahap sangat baik. Sejajar dengan itu MAIS telah dianugerahkan 4 bintang berbanding 3 bintang pada tahun lepas oleh Ketua Audit Negara Pada 3 Julai 2009 di Pejabat Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun ini MAIS telah mendapat markah 90.7% beranding pada tahun sebelumnya.

Dengan pencapaian skor 4 bintang tersebut maka MAIS telah dianugerahkan sebagai agensi terbaik dalam melaksanakan Indeks Akauntabiliti (IA) berbanding agensi-agensi lain yang lebih lama dan berpengalaman. Dengan kejayaan skor rating 4 bintang yang diberikan kepada MAIS, cukup memperlihatkan bahawa MAIS adalah agensi terbaik negeri Selangor dalam mematuhi peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengursan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan deposit serta asset, inventori dan stor.

Pencapaian yang semakin baik ini adalah hasil daripada komitmen dan gerak kerja yang tinggi oleh pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Selangor.

Sejak tahun 1996, MAIS telah dapat mengekalkan Sijil Bersih Bagi Kewangan Tahunan MAIS selama 11 tahun berturut-turut tanpa teguran.Kejayaan ini jelas menunjukan kepatuhan pegawai-pegawai MAIS dalam mematuhi peraturan kewangan adalah terkawal sepertimana yang ditetapkan.

**Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO**

Pada tahun 2009 MAIS telah berjaya mengekalkan tanpa NCR *(non-Conformity Reports)* semasa Auditan Surveilance yang dibuat oleh pihak SIRIM pada 7 Mei 2009. Kejayaan ini jelas menunjukkan bahawa pegawai-pegawai MAIS sentiasa menerapkan budaya kerja masing-masing berpaksikan piawaian yang ditetapkan secara konsisten dan istiqamah.

## KEPRIHATINAN TERHADAP ASNAF AR-RIQAB

MAIS melalui Unit Ar-Riqab bertanggungjawab memantau asnaf Ar-Riqab dan perjalanan rumah-rumah perlindungan yang mendapat bantuan MAIS. MAIS sedar Selangor belum mempunyai sebuah rumah perlindungan khusus untuk pesakit HIV dan keperluan rumah ini sangat mendapat perhatian apabila isu orang Islam yang mengidap HIV mendapat perlindungan di gereja mendapat liputan meluas di media massa. Menyedari 40 NGO yang sanggup menubuhkan rumah perlindungan dan member sokongan penuh daripada segi kewangan mahupun sokongan moral. Justeru itu menjadi moto MAIS iaitu 'prihatin' maka pegawai MAIS juga telah turun padang ke gereja-gereja yang dikelolakan oleh *Welcome Community Home* dan berjumpa pesakit-pesakit HIV ini bagi memastikan rumah yang disediakan kelak benar-benar memenuhi kehendak mereka. Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan pengwujudan rumah ini sama ada melibatkan NGO sendiri mahupun tekanan oleh media massa.



## MAJLIS KECEMARLANGAN PELAJAR SAUDARA KITA PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Majlis ini merupakan julung-julung kali diadakan meraikan para pelajar mualaf yang telah berjaya mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPRA, SPM, STPM dan STAM selain meraikan para pelajar mualaf yang telah berjaya mendapat tawaran menyambung pelajaran di IPTA dan IPTS sama ada di dalam atau di luar negara. Ianya merupakan salah satu pengiktirafan kepada para pelajar dalam meningkatkan motivasi belajar dikalangan mereka. Penghargaan juga turut diberikan kepada pelajar-pelajar mualaf yang menamatkan program Sijil Dakwah dan Kepimpinan yang berlangsung di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).

## PENGWUJUDAN SAHABAT HOSPITAL

Buat pertama kalinya SAHABAT Hospital di Hospital Ampuan Rahimah telah berjaya diwujudkan. SAHABAT Hospital ini berfungsi dan banyak membantu permasalahan pesakit-pesakit muslim dalam menanggung penderitaan dan penyakit yang mereka hidapi melalui sesi kaunseling.

## 40 RUMAH KEBAJIKAN TERIMA BANTUAN MAIS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Serahan Cek Sumbangan Kepada Rumah-Rumah Kebajikan Yang Berdaftar Di Bawah MAIS bertempat di Hotel De' Palma pada 9 Disember yang lalu.

Dalam majlis ini, sebanyak 40 buah rumah kebajikan menerima sumbangan yang keseluruhannya berjumlah RM710,000. Daripada jumlah ini, RM340,000 telah diperuntukkan kepada rumah kebajikan yang menawarkan khidmat perlindungan, pemulihan dan rawatan manakala selebihnya iaitu RM370,000 kepada rumah fakir miskin, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim.

Sumbangan yang menggunakan asnaf Ar-Riqab ini disampaikan oleh Ustaz Ali bin Mohamad, Timbalan Pengarah JAIS merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Dakwah MAIS. Sumbangan ini merupakan sumbangan kali kedua bagi tahun 2009 di mana sumbangan pertama pada tahun yang sama memperuntukkan sebanyak RM945,000 bagi 38 buah rumah yang merangkumi rumah perlindungan, pemulihan, rawatan, fakir miskin, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim.

Antara rumah kebajikan yang menerima sumbangan iaitu Persatuan Kebajikan Anak HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (PERNIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH), Pusat Penjagaan Baitul Islah, Shah Alam dan Pertubuhan Anak Yatim Sungai Pinang, Klang.

## SEPULUH PASANGAN MEMPELAI SAUDARA BARU DIRAI

Seramai 10 pasangan mempelai saudara baru dirai dalam Majlis Perkahwinan Beramai-ramai Saudara Kita bagi Daerah Petaling anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Unit Pembangunan Insan Daerah Petaling dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Petaling pada 5 Disember 2009 yang lalu bertempat di Dewan Kenanga, Kompleks Kerajaan Daerah Petaling.






Majlis perkahwinan kelolaan MAIS ini dibuat sebagai tanda menghargai dan meraikan pasangan saudara kita dalam menempuhi kehidupan berumahtangga. Dalam majlis ini, daripada 10 pasangan saudara kita diraikan seramai 6 pasangan dinikahkan secara serentak oleh Ustaz Muhammad Sujak bin Mohd Dasuki, Pegawai Tadbir Agama Daerah Petaling.

Selain diraikan dalam bentuk majlis perkahwinan yang ditaja sepenuhnya oleh MAIS, 10 pasangan ini juga turut menerima hadiah perkahwinan berbentuk barangan sebagai persediaan menempuhi alam perkahwinan. Hadiah perkahwinan disampaikan oleh Y.A.D. Dato' Seri Indah Diraja Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Hamid, Orang Besar Daerah Petaling.

Majlis keraian ini membuktikan bahawa MAIS begitu mengambil berat hal kebajikan saudara baru dari awal pemelukan Islam sehinggalah dalam hal mendirikan rumahtangga. Semoga jodoh kesemua pasangan ini berkekalan hingga ke akhir hayat.

## 38 NGO SELANGOR TERIMA BANTUAN ZAKAT BERNILAI 1.10 JUTA

Zakat merupakan formula yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. untuk mendidik nafsu manusia dan merupakan penawar yang mujarab untuk menutup jurang ekonomi yang memisahkan golongan kaya dengan golongan miskin. Sehubungan denga itu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bantuan zakat kepada 38 Badan Bukan Kerajaan (NGO's) dan sembilan Badan Dakwah di Selangor berjumlah RM1.10 juta.

Semua NGO menerima bantuan antara RM15,000 dan RM30,000 berjumlah RM830,000, manakala sembilan badan dakwah menerima bantuan zakat berjumlah RM270,000.

Bantuan disampaikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim dengan diiringi oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Tuan Haji Shahir bin Makhtar, Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS) di majlis perasmian penutup Seminar Zakat dan Pengurusan Intregriti Dakwah NGO Islam anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Bantuan diberikan bertujuan menambah dana bagi membantu NGO's Islam dan Badan Dakwah di Selangor dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islam. Antara matlamat bantuan ialah membantu menjayakan operasi dakwah kepada umat Islam melalui NGO's dan Badan Dakwah mengikut garis panduan ditetapkan bersama MAIS. Selain itu, sebagai galakan kepada NGO's dan Badan Dakwah supaya memberi khidmat lebih cemerlang dalam menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran, mengukuhkan rangkaian kerjasama antara MAIS, NGO's dan Badan Dakwah demi pembangunan insan dan sosial di Selangor.

Antara NGO's yang menerima bantuan termasuk Persatuan Tahfiz Al-Quran Selangor (RM25,000), Pemadam Selangor, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia cawangan Selangor, masing-masing menerima RM20.000. Manakala Badan Dakwah Pejabat Islam seluruh daerah di Selangor masing-masing menerima RM30,000.

Sementara itu, Seminar Zakat dan Pengurusan Intregriti NGO's Islam diadakan bagi menerap nilai intregriti di kalangan penggerak dakwah khususnya dari kalangan NGO's Islam yang menerima peruntukan zakat bagi menjalan aktiviti dakwah di negeri Selangor.





# Laporan
# AKTIVITI

# Laporan Aktiviti

## 01 JANUARI '09

**8 Januari :**

DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor telah berkenan melantik dua muka baru Ahli MAIS sesi 2009-2011 berkuatkuasa Januari ini, bertempat di Bilik Singgahsana, Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

**22 Januari :**

Bagi memberikan penghargaan kepada pelatih yang telah berjaya dalam bidang akademik dan kemahiran, Pusat Perlindungan Wanita (Baitul Ehsan) MAIS telah menganjurkan Hari Kecemerlangan Pelatih yang telah diadakan di Dataran Baitul Ehsan.




## 02 FEBRUARI '09

**10 Februari :**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima rombongan Badan Agama dan Kaunseling (BAKA), IPK Selangor.

**5 - 6 Februari :**

Munaqasyah Pemerkasaan MAIS 2009 - 2011 telah diadakan di Hotel Grand BlueWave Shah Alam.



**1 - 3 Februari :**

Unit Dakwah Saudara Kita, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dengan kerjasama Unit Latihan, Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah mengadakan Bengkel Pembinaan Modul Latihan Panel Dakwah Mualaf MAIS (PDM MAIS) bertempat di Hotel Impian Morib.

**12 - 13 Februari :**

Unit Dakwah Saudara Kita, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dengan kerjasama Bahagian Undang-Undang MAIS telah mengadakan Bengkel Pemurniaan Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Mualaf di Negeri Selangor bertempat di Hotel Concorde Inn, KLIA.

## 03 MAC '09

**9 Mac :**

Sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor 1430H, setiap tahun MAIS tidak ketinggalan menyertai perarakan dengan mengingati perjuangan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj yang lalu.



**13 Mac :**
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamed Adzib bin Mohd Isa telah mempengerusikan sidang media berkaitan isu penggunaan kalimah Allah oleh agama selain Islam yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah.

**25 Mac :**
Sempena sambutan Bulan Dakwah peringkat Negeri Selangor, MAIS melalui Unit Wakaf dan Wasiat, Bahagian Mal dengan kerjasama Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan telah membuka kaunter pameran dalam program Belia Cintai Rasul yang diadakan di Stadium Tertutup, Kuala Selangor yang lalu.

## 04 APRIL '09

**1 April :**
Pusat Pemurniaan Akidah (Baitul Iman) MAIS telah menerima kunjungan delegasi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang lalu. Delegasi seramai 11 orang itu diketuai oleh Setiausaha MAINPP, Ustaz Fakharuddin bin Abd Rahman. Turut serta dalam rombongan itu ialah wakil-wakil agensi MAINPP, kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (Bahagian Ukhwah) dan kakitangan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (Bahagian Agihan).

**2 April :**
Sejumlah RM900 ribu diperuntukkan kepada 28 rumah kebajikan/perlindungan pemulihan dan rawatan persendirian di negeri Selangor dalam satu majlis serahan cek anjuran Unit Dakwah Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang diadakan di pejabat Bangunan Sultan Idris Shah.




**11 - 12 April :**
Hari Mesra Pelanggan MAIS dan Anak Syarikat telah diadakan bertempat di Ruang Legar Kompleks PKNS, Shah Alam. Program yang diadakan sempena Bulan Kualiti MAIS 2009 ini bertujuan mempromosikan MAIS dan anak syarikat di samping memperkenalkan produk-produk terkini MAIS seperti Wang Tidak Patuh Syariah, Ar-Riqab dan sebagainya.



**10 April :**
Pusat Perlidungan Wanita Baitul Ehsan telah menerima kunjungan Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu. Kunjungan yang diketua oleh Yang Amat Arif Dato' Ismail bin Yahya dan pegawai-pegawai kanan jabatan. Lawatan ini bertujuan bertukar-tukar pandangan berkaitan perjalanan operasi pusat ini dan membantu Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu menubuhkan sebuah pusat yang sama fungsinya dengan Baitul Ehsan, MAIS.



**17 April :**
Bagi menjalankan usaha-usaha dakwah kepada non muslim, MAIS melalui Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menganjurkan program ziarah dakwah bertempat di perkampungan estet Bangi yang lalu.

**18 - 19 April :**
MAIS melalui Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dengan kerjasama Unit Pembangunan Insan Daerah Sabak Bernam dan MACMA Cawangan Selangor telah menganjurkan Bengkel Strategi Dakwah bersama MACMA Cawangan Selangor yang lalu bertempat di Rest House Resort.

**21 April :**
Selaras dengan tanggungjawab MAIS sebagai sebuah institusi agama yang membantu kebajikan khususnya kepada rumah kebajikan di daerah Negeri Selangor, MAIS melalui Unit Dakwah Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan telah menziarahi Pusat Jagaan Nur Hasanah yang lalu.



**21 April :**
Dalam merealisasikan hasrat MAIS menubuhkan Majlis Agama Islam (MAIS) Daerah, satu rombongan lawatan kerja telah dihantar ke Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) yang lalu. Rombongan MAIS diberi taklimat berkaitan perjalanan operasi MAIJ diperingkat ibu pejabat dan daerah. Selepas taklimat, rombongan MAIS di bawa melawat Majlis Agama Islam Daerah Johor Baharu yang terletak di bangunan yang sama dengan ibu pejabat MAIJ.



## 05 MEI '09

**1 - 4 Mei :**
Seramai 30 peserta yang terlibat di kalangan saudara baru telah menjalani Kursus Perkaderan Mualaf Siri 1/2009 yang diadakan di Teratak Hijjaz Country Resort pada 1 hingga 4 Mei yang lalu anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS.

**5 - 8 Mei :**
Bagi memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIS, Unit Wakaf dan Wasiat, Bahagian MAL dengan kerjasama Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS telah membuka kaunter pameran di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1430H/2009M pada 5 hingga 8 Mei lalu bertempat di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves.



**15 Mei :**
Telah diadakan Majlis Penganugerahan Bahagian Terbaik dan Pegawai Contoh MAIS untuk bulan Januari hingga Mac 2009 bertempat di Dewan Seminar, Masjid Negeri. Sebanyak 3 kategori yang dipertandingkan iaitu bahagian terbaik telah berjaya dirangkul oleh Bahagian MAL, pegawai contoh MAIS bagi kakitangan lelaki telah dimenangi oleh ustaz Hasal bin Senin, pembantu tadbir, bahagian pengurusan MAIS manakala pegawai contoh MAIS bagi kakitangan wanita telah dimenangi oleh Cik Nurhani Salwa binti Jamaludin, Penasihat Undang-undang MAIS.



**26 Mei :**
Seramai 20 orang peserta di kalangan pegawai dan anggota polis daripada IPD, Seksyen 11, Shah Alam terlibat dalam Program Penerangan Saham Wakaf Selangor dan Wasiat Orang Islam anjuran Bahagian Mal, MAIS bertempat di Bilik Perundangan Keluarga, Bangunan Sultan Idris Shah.

**22 - 24 Mei :**
MAIS melalui Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan telah menyertai program Karnival Harmoni 2009 yang lalu di kompleks membeli belah Summit USJ anjuran Hidayah Centre, Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM). Penyertaan ini bertujuan memberi peluang dan ruang kepada pengunjung mengenali pekhidmatan MAIS. Melalui program ini, pengunjung akan didedahkan dengan kefahaman berkaitan Islam bagi melahirkan individu muslim yang sempurna.

## 06 JUN ‘09

**1 Jun :**
Telah diadakan Seminar Pengurusan Harta Tidak Patuh Syariah (harta haram) anjuran Bahagian MAL, MAIS bertempat di Dewan Annex, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Seminar ini bertujuan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan pengurusan harta tidak patuh syariah serta meningkatkan kesedaran masyarakat Islam tentang ketegahan dalam menggunakan harta tidak patuh syariah. Selain itu, para peserta diberi pendedahan tentang peranan Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah.

**22 Jun :**
Satu perhimpunan bulanan telah diadakan bertempat di foyer belakang, Bangunan Sultan Idris Shah pada 22 Jun 2009 yang lalu anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Majlis dipengerusikan oleh Encik Redwan bin Jumary dari Bahagian Pengurusan MAIS. Majlis bermula seawal 8.00 pagi dengan bacaan doa oleh Ustaz Hasal bin Senin dan bacaan ayat suci Al-Quran oleh Ustaz Mat Saha bin Ideris. Majlis perhimpunan pagi diteruskan dengan nyanyian koir MAIS dan bacaan Ikrar Perkhidmatan Awam oleh Encik Misbah bin Salikun.



**22 Jun :**
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan hormat dari pimpinan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada 22 Jun 2009 yang lalu bertempat di Bangunan Sultan Idris Shah. Rombongan ABIM diketuai oleh Tuan Haji Yusri bin Mohamad dan kakitangan-kakitangan ABIM.

**25 Jun :**
Telah diadakan Seminar Saham Wakaf Selangor bertemakan "Halatuju dan Potensi kepada Pembangunan Ekonomi Ummah" anjuran Bahagian MAL, MAIS bertempat di Dewan Annex, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Seminar ini bertujuan memberi maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat berkaitan pengurusan wakaf di samping meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menunaikan ibadah saham wakaf samaada wakaf tanah, rumah dan Saham Wakaf Selangor. Selain itu, para peserta diberi pendedahan tentang kepentingan institusi wakaf untuk diperkasakan agar dapat memberikan manfaat kepada masyarakat.

**30 Jun :**
Buat julung-julung kalinya Pusat Perlindungan Wanita, Baitul Ehsan MAIS telah menganjurkan Karnival Sukan Pusat 2009 (KASUP) khusus kepada pelatih. Karnival sukan ini telah berlangsung dengan jayanya apabila turut disertai oleh pelatih dari Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID) dan Pusat Bimbingan dan Perlindungan Remaja Wanita (Raudhatus Sakinah). Matlamat utama karnival sukan ini dianjurkan adalah untuk melahirkan individu yang cergas dan sihat melalui aktiviti kesukanan di samping dapat menonjolkan bakat kesukanan yang terdapat pada dalam diri pelatih selain dapat mewujudkan ikatan kemesraan dan kekeluargaan diantara pelatih dan kakitangan.

## 07 JULAI '09

**1 Julai :**
Seramai 40 orang kakitangan MAIS dari pelbagai jawatan telah mengikuti Kursus Pengurusan Stress yang diadakan di Bilik Bahagian Perundangan keluarga pada 1 Julai 2009 yang lalu anjuran Bahagian Pengurusan MAIS. Kursus yang diadakan selama setengah hari ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta kursus bagi mengenalpasti punca-punca stress, implikasinya dan cara-cara mengatasi masalah stress, di samping memperkasakan motivasi diri peserta dengan lebih efektif melalui kemahiran pengurusan stress. Taklimat kursus disampaikan oleh Prof. Madya Yon Bahiah bt Wan Aris dari Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Shah Alam. Dengan adanya kursus seperti ini, diharapkan dapat memberi input yang positif kepada warga MAIS bagi menangani masalah stress di tempat kerja mahupun di rumah.

**7 Julai :**
Dalam usaha mengajak masyarakat untuk menghayati dan mengamalkan ibadah wakaf, MAIS melalui Bahagian MAL telah mengedarkan risalah perkhidmatan MAIS kepada pengguna Lebuhraya Tol Batu 3 sempena Bulan Wakaf Negeri Selangor. Melalui program yang dikenali sebagai "Jom Mesra Wakaf" ini, sebanyak 4,000 risalah telah diedarkan yang antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran berwakaf disamping menyampaikan maklumat tentang aktiviti bulan wakaf sepanjang bulan Rejab ini. Selain itu, program seumpama ini dapat mengeratkan jalinan ukhwah diantara kakitangan MAIS dan orang awam. Dengan cara ini, diharapkan agar ibadah wakaf dapat diserapkan kepada semua lapisan masyarakat supaya ianya dapat dihayati dan diamalkan.






**Julai :**

Pusat Pemurniaan Akidah, Baitul Iman MAIS telah menerima kunjungan dari Institut Taufik Islami (ITI), Jalan Kebun Klang yang diketuai oleh Ustaz Yusof b. Abu Hassan dan Ustaz Rumijam b. Mujir bersama guru pengiring ITI yang lain baru-baru ini.Kehadiran rombongan ITI seramai 75 pelajar lelaki dan 49 orang pelajar perempuan yang berumur di antara 7 tahun hingga 19 tahun ini telah disambut mesra oleh Ustaz Rose Efendi b. Marjumat, selaku Timbalan Penguasa Baitul Iman serta kakitangan yang hadir. Agenda lawatan kerja tersebut berkisar kepada penubuhan pusat pemurnian akidah, melalui proses pengajaran, pembelajaran, khidmat kaunseling dan aktiviti yang dijalankan selain mengeratkan jalinan ukhuwah Islamiah sesama saudara Islam. Melalui perbincangan ini juga, kedua-dua belah pihak saling bertukar-tukar pandangan dan idea berkaitan isu atau persoalan yang dibangkitkan. Lawatan selama setengah hari ini ternyata banyak memberi manfaat kepada kedua belah pihak bagi memberi perkhidmatan yang terbaik di masa akan datang.

**17 Julai :**

MAIS telah menganjurkan malam amal yang bertujuan mengumpul dana wakaf dikenali sebagai Malam Amal Wakaf 2009. Malam amal wakaf ini bertujuan mewujudkan kesedaran berwakaf terutamanya di kalangan individu dan syarikat korporat dan merupakan aktiviti tahunan sempena Bulan Wakaf Negeri Selangor. Malam amal wakaf ini berkonsepkan penjulan meja di mana hasil jualan ini akan disalurkan ke Akaun Manfaat Wakaf bagi tujuan membina prasarana seperti masjid untuk kemudahan orang Islam.

**Julai**

Pusat Pemurniaan Akidah, Baitul Iman MAIS telah menerima kunjungan dari Institut Taufik Islami (ITI), Jalan Kebun Klang yang diketuai oleh Ustaz Yusof bin Abu Hassan dan Ustaz Rumijam bin Mujir bersama guru pengiring ITI yang lain baru-baru ini. Kehadiran rombongan ITI seramai 75 pelajar lelaki dan 49 orang pelajar perempuan yang berumur di antara 7 tahun hingga 19 tahun ini telah disambut mesra oleh Ustaz Rose Efendi bin Marjumat, selaku Timbalan Penguasa Baitul Iman serta kakitangan yang hadir. Agenda lawatan kerja tersebut berkisar kepada penubuhan pusat pemurnian akidah, melalui proses pengajaran, pembelajaran, khidmat kaunseling dan aktiviti yang dijalankan selain mengeratkan jalinan ukhuwah Islamiah sesama saudara Islam. Melalui perbincangan ini juga, kedua-dua belah pihak saling bertukar-tukar pandangan dan idea berkaitan isu atau persoalan yang dibangkitkan. Lawatan selama setengah hari ini ternyata banyak memberi manfaat kepada kedua belah pihak bagi memberi perkhidmatan yang terbaik di masa akan datang.

**17 - 18 Julai :**

MAIS telah menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran Saudara kita Peringkat Negeri Selangor 2009M / 1430H bertempat di Kompleks Taman Kesenian Islam, Shah Alam. Majlis yang diadakan saban tahun ini bertujuan memartabatkan al-Quran serta meningkatkan minat dan mutu bacaan al-Quran di kalangan saudara kita secara berterusan. Seramai 20 orang Qari dan Qariah dari setiap daerah di Negeri Selangor mengambil bahagian dalam pertandingan ini.



**Julai :**
Seramai 17 peserta di kalangan saudara baru telah menjalani Kursus Perkaderan Profesional Mualaf anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS yang telah diadakan di Hotel Impian Morib selama 2 hari 1 malam. Kursus ini merupakan kursus lanjutan daripada kursus perkaderan mualaf yang diadakan sebelum ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan para peserta mengenai kemahiran berdakwah dan memberi kesedaran tentang peranan peserta bagi membantu MAIS dalam penyebaran serta perkembangan dakwah Islamiyah khususnya di negeri Selangor. Kursus ini dikawal selia oleh Ustaz Mohd Makhi bin Adnan, Ketua Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dan Ustaz Mohd Helmi bin Mohd Nuri, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pengurusan Mualaf.

## 08 OGOS

**3 Ogos :**
Bagi meraikan kakitangan MAIS yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang pada tahun 2008, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008 bertempat di Dewan Jubli Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang lalu. Majlis yang bermula pada jam 8.00 malam itu telah dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan MAIS. Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan MAIS yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan pada tahun 2008. Majlis yang merupakan acara tahunan ini mempertandingkan 2 kategori iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pegawai Harapan MAIS bagi tahun 2008. Seramai 19 orang kakitangan MAIS dari pelbagai jawatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 11 orang kakitangan MAIS telah diiktiraf sebagai Pegawai Harapan MAIS bagi tahun 2008. Hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh Pengerusi MAIS diiringi oleh Setiausaha MAIS dan Timbalan Setiausaha MAIS.

**20 Ogos :**
MAIS melalui Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dengan kerjasama Jawatankuasa Dakwah MAIS telah menganjurkan Konvensyen Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Negeri Selangor bertempat di Dewan Annex , SUK. Program ini merupakan lanjutan dari Simposium Pemerkasaan Dakwah Selangor 2006 yang lalu dengan mengumpulkan para penggerak dakwah termasuk di kalangan NGO, para akademik, kader dakwah dan agensi kerajaan. Program 1 hari tersebut telah dibentangkan oleh Prof Dr. Sidek b. Baba, Ahli MAIS, Prof Dr. Abdul Aziz Bari, Saudara Daniel Hakim Boy, Pengerusi MACMA Selangor, dan Dato' Abd Razak bin Kechik, Aktivis ABIM. Masing-masing membentangkan kertas kerja antaranya yang bertajuk Halatuju Dakwah kepada Non Muslim di Selangor, Dakwah kepada Non Muslim dari sorotan Perlembagaan Malaysia dan Pencapaian dan hala tuju dakwah kepada masyarakat Cina, orang asli dan India. Perasmian penutupan program ini telah disempurnakan oleh Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS.

**21 Ogos :**
Bagi mengimarahkan lagi ketibaan bulan Ramadhan, pelbagai program telah dirancang oleh MAIS melalui Biro Kerohanian Kelab Sukan dan Kebajikan MAIS. Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah-penceramah luar yang dijemput khas bagi tujuan ini. Ceramah ini diadakan pada setiap hari Jumaat sepanjang bulan Ramadhan bertempat di Bilik Perundangan Keluarga, Menara Selatan, Bangunan SIS bermula pada pukul 8.45 pagi hingga pukul 10.00 pagi. Selain ceramah, turut diadakan Tadarus Al-Quran di kalangan kakitangan MAIS di mana setiap kakitangan akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan dipertanggungjawabkan membaca 3 juzuk setiap kumpulan.





Kemuncak program Ihya Ramadan ialah Majlis Khatam Al-Quran yang dijangka akan diadakan pada penghujung Ramadan ini. Bagi memastikan segala aktiviti ini berkesan dan mendapat sambutan terutamanya di kalangan kakitangan, satu Majlis Pelancaran Program Ihya Ramadan telah diadakan baru-baru ini dan telah dirasmikan oleh Encik Zulkifli bin Jamil, Y.D.P. Kelab Sukan dan Kebajikan MAIS. Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah kakitangan dan pegawai-pegawai MAIS.

**24 Ogos :**

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah sudi mencemar duli melancarkan buku terjemahan zakat hasil tulisan Ulama' Moden Islam, Yusuf Al-Qaradhawi bertajuk Institusi Zakat Peranan dan Tanggungjawab di masjid negeri sempena program Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor bersama rakyat pada yang lalu. Penerbitan buku ini diharap menjadi panduan bagi memajukan lagi pengurusan zakat di Selangor selaras dengan titah perasmian baginda semasa Konvensyen Intregriti dan Pengurusan Zakat minggu lalu. Diharap juga manfaat dan kebaikan ilmu zakat yang diterjemahkan ini dapat dikongsi bersama sekaligus menjelaskan bahawa zakat merupakan sebahagian daripada sumber kekuatan ekonomi umat Islam.



Pada majlis yang sama, Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada golongan mualaf, anak yatim dan fakir miskin bagi meringankan beban mereka sempena ramadhan dan syawal yang bakal menjelma. Seramai 100 orang anak yatim, 100 orang saudara kita dan 100 orang fakir/miskin telah menerima sumbangan MAIS dan LZS yang disampaikan oleh Baginda.

Hadir mengiringi baginda ialah Raja Muda Selangor, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan Pengerusi MAIS.

**Ogos :**

Isu orang Islam yang menghidap HIV menghuni gereja bagi mendapatkan rawatan dan perlindungan telah terbela setelah mereka ini dipindahkan ke dua buah rumah perlindungan untuk pesakit HIV yang dikendalikan sepenuhnya oleh NGO Islam iaitu Yayasan Al-Ijabah dan Yayasan Budi. MAIS begitu berterima kasih di atas sikap proaktif Yayasan Al-Ijabah dalam menangani kemelut ini dengan bertindak menubuhkan rumah perlindungan Darul Ukhuwah di Petaling Jaya, Selangor yang telah menempatkan 15 orang penghuni yang sebelumnya menginap di gereja. Menyedari keperluan dan permintaan terhadap rumah perlindungan yang menempatkan pesakit HIV, MAIS telah mempelawa NGO lain untuk turut serta dalam usaha murni ini seperti mana yang dilaksanakan oleh Yayasan Al-Ijabah. Pelawaan ini disambut baik oleh Yayasan Budi yang akhirnya menubuhkan Istana Budi di Kuang, Selangor yang sekarang ini menempatkan seramai 10 orang pesakit HIV.



Bagi memastikan perjalanan kedua-dua rumah ini lancar, MAIS melalui Lembaga Zakat Selangor akan memperuntukkan bantuan bulanan sebanyak RM25,000 di samping kos permulaan penubuhan kedua-dua rumah ini berjumlah RM140,000 bagi kerja-kerja pemindahan pesakit, pengubahsuaian dan pembelian peralatan.

Bagi meraikan pesakit-pesakit HIV kedua-dua rumah ini sempena bulan Ramadhan, satu majlis penyampaian sumbangan hari raya telah diadakan bertempat di Istana Budi, Kuang. Penyampaian ini disempurnakan oleh Y.A.D. Dato' Setia Pengerusi MAIS dengan diiringi oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha MAIS. Selepas penyampaian sumbangan, Y.A.D. Dato' Setia Pengerusi MAIS beramah mesra dengan penghuni kedua-dua rumah ini. Semoga penubuhan kedua-dua rumah ini dapat menyediakan alternative kepada pesakit Islam HIV untuk mendapatkan rawatan dan perlindungan di masa hadapan.

## 09 SEPTEMBER '09

**3 September :**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Undang-Undang telah menganjurkan satu muzakarah bagi membincangkan isu pindaan 3 akta undang-undang Islam sejajar dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertempat di Dewan Perdana Hotel Grand Bluewave yang lalu. Muzakarah ini telah dihadiri oleh NGO-NGO Islam dan wakil-wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bertujuan untuk mendapat resolusi atau ketetapan sebulat suara sebagai forum penerangan dan perbahasan dalam membincangkan isu mengenai cadangan pindaan akta. Tiga akta yang terbabit dalam pindaan itu ialah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan di dalam muzakarah ini antaranya ialah "Kesan Pindaan Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pertukaran Agama Terhadap Perkahwinan dan Hak Jagaan Anak" telah dibentangkan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan "Kesan Pindaan Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Pertukaran Agama terhadap Akta Memperbaharui Perkahwinan dan Penceraian 1976" yang disampaikan oleh Y. Bhg. Datin Paduka Prof. Dr. Zaleha binti Kamarudin, Timbalan Pengarah IKIM merangkap Ahli MAIS.



**3 September :**

Sejumlah RM945 ribu diperuntukkan kepada 38 rumah kebajikan di negeri Selangor dalam satu majlis serahan cek yang diadakan di Hotel De-Palma anjuran Unit Dakwah Ar-Riqab, Bahagian Pembangunan Insan MAIS dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS). Majlis penyampaian bantuan ini telah disempurnakan oleh Sahibus Saadah Dato' Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha MAIS dengan diiringi oleh Ustaz Abd Malik bin Awang Besar, Ketua Jabatan Agihan dan Pembangunan Ummah LZS yang bertujuan membantu rumah-rumah kebajikan terbabit dari segi kos operasi dan pengurusan agar dapat menjalankan aktiviti tanpa masalah terutama dari aspek kewangan. Di samping itu, ia juga merupakan tanggungjawab MAIS dan LZS membantu menangani gejala yang tidak sihat.

Rumah kebajikan yang menerima bantuan ini terdiri daripada rumah yang menempatkan anak yatim, fakir miskin, ibu tunggal, bekas penagih dadah serta warga emas. Antaranya ialah Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor, Asrama Anak-Anak Yatim Damai, Rumah Penyayang Hembusan Kasturi serta Pusat Jagaan Remaja Insaf dan Anak Harapan. MAIS sentiasa mengambil langkah yang proaktif untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi membantu dan menyelaras aktiviti-aktiviti rumah kebajikan di negeri Selangor, manakala dari segi bantuan kewangan diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) iaitu anak syarikat MAIS.

**9 September :**

Seramai 15 orang kakitangan MAIS telah mengadakan lawatan muhibbah ke Persatuan Hokkien yang lalu anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan yang diketuai oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS. Lawatan ini bertujuan merapatkan hubungan jalinan ukhwah di antara MAIS dengan persatuan yang mewakili orang tionghua berketurunan Hokkien Cina di samping mengenali budaya dan agama masing-masing. Selain itu, kedua-dua pihak diberi peluang mengemukakan pelbagai soalan bagi mendapatkan penjelasan berkaitan isu atau persoalan yang dibangkitkan. Semoga dengan adanya lawatan seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara MAIS dengan persatuan Hokkien.



## 10 OKTOBER

**2 Oktober :**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) meneruskan tradisi bagi tahun-tahun sebelumnya dengan menaja bakal-bakal haji untuk menunaikan fardhu haji dalam Majlis Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku oleh Bakal-Bakal Haji bagi tahun 1430H bersamaan Tahun 2009M yang lalu. Selain MAIS, turut memberi penajaan bagi bakal-bakal haji antaranya ialah DYMM Tuanku, Tabung Dato'-Dato' Diraja & Kerabat Diraja Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Seramai 11 orang bakal haji tajaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2 orang tajaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 7 orang tajaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 5 orang tajaan Lembaga Zakat Selangor, 3 orang tajaan Tabung Dato'-Dato' Diraja & Kerabat Diraja Negeri Selangor, dan 4 orang tajaan DYMM Tuanku. Jumlah keseluruhan bakal-bakal haji yang ditaja adalah seramai 32 orang.

Bakal-bakal haji yang terpilih ini terdiri daripada mereka yang cemerlang dan banyak menyumbang masa, tenaga dan fikiran kepada masyarakat dan kerajaan Negeri Selangor. Semoga pemilihan ini menjadikan mereka terus bersemangat, cemerlang dan komited dalam usaha memberikan perkhidmatan dan sumbangan kepada agama, bangsa, dan negara.

Turut hadir pada majlis ini ialah, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

**4 Oktober :**

Buat julung-julung kalinya, MAIS sebagai sebuah intitusi agama telah menerima anugerah pengiktirafan sebagai penerima 4 bintang bagi pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti tahun 2008 dan merupakan satu-satunya institusi agama di negeri Selangor menerima anugerah tersebut. MAIS yang diwakili oleh Y. Bhg. Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha MAIS telah menerima plug penghargaan yang disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Ahmad bin Said, Menteri Besar Terengganu dalam satu majlis sambutan Hari Audit Se-Malaysia 2009 yang diadakan di Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man. Kejayaan MAIS memperoleh kecemerlangan dalam pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti adalah pengiktirafan kepada MAIS kerana telah berjaya mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan bagi tahun 2008. Penghargaan ini merupakan pengiktirafan pertama kerana MAIS telah berjaya meraih 4 bintang di bawah sistem penarafan Indeks Akauntabiliti dalam menguruskan kewangan.Sambutan Hari Audit Se-Malaysia merupakan acara tahunan Jabatan Audit Negara yang bertujuan meningkatkan kesedaran awam berkenaan kepentingan peranan audit dalam mewujudkan akauntabiliti di sektor awam.

**9 Oktober :**

Sempena sambutan Aidilfitri, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bersama-sama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Mufti Selangor, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan Kumpulan MAIS Corporations mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bertempat di perkarangan letak kereta Bangunan Sultan Idris Shah pada tanggal 9 oktober 2009 bagi meraikan kakitangan dan orang awam. Majlis selama setengah hari ini bermula pada pukul 2.30 petang dan pelbagai juadah telah disajikan di setiap gerai dari setiap jabatan termasuklah rusa bakar, kambing bakar, sate, cendol dan sebagainya. Pada majlis yang sama turut dilancarkan Bulan Silaturrahim Negeri Selangor yang bertemakan "Kekalkan Persaudaraan Islam" dirasmikan oleh Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap hal Ehwal Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan kemudahan Awam Negeri Selangor. Selain itu, majlis turut dimeriahkan lagi dengan penyampaian hamper kepada pemenang cabutan bertuah dan pemenang gerai tercantik.

Turut menyerikan majlis adalah Y.A.D. Dato Setia Haji Mohd Adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS, Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi, Pengarah JAIS, Y.A.D. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor dan ketua-ketua bahagian di Bangunan Sultan Idris Shah



**16 Oktober :**

MAIS telah menerima kunjungan hormat dari Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) yang diketuai oleh Tuan Mohammad Isa bin Ralip, Presiden persatuan. Kunjungan ahli persatuan seramai 10 orang yang merupakan EXCO persatuan ini disambut mesra oleh Pengerusi MAIS, Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd Isa dan pegawai-pegawai kanan MAIS dan JAIS. Kunjungan selama setengah hari ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin dan bertukar-tukar pandangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan agama Islam seperti isu pindaan undang-undang, penghinaan terhadap agama dan juga isu sebatan syariah. Pelbagai persoalan dan buah fikiran dilontarkan sepanjang sesi perbincangan dan diharapkan perjumpaan seumpama ini akan dapat diadakan dari masa ke semasa bagi memastikan isu-isu yang timbul kelak dapat ditangani secara berhemah dan bijaksana.

**24 Oktober :**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bantuan zakat kepada 38 Badan Bukan Kerajaan (NGO's) dan sembilan Badan Dakwah di Selangor berjumlah RM1.10 juta.

Semua NGO menerima bantuan antara RM15,000 dan RM30,000 berjumlah RM830,000, manakala sembilan badan dakwah menerima bantuan zakat berjumlah RM270,000.

Bantuan disampaikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim dengan diiringi oleh Ustaz Abdul Halem Hapiz bin Salihin, Timbalan Setiausaha MAIS dan Tuan Haji Shahir bin Makhtar, Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor (LZS) di majlis perasmian penutup Seminar Zakat dan Pengurusan Intregiti Dakwah NGO Islam anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Bantuan diberikan bertujuan menambah dana bagi membantu NGO's Islam dan Badan Dakwah di Selangor dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islam. Antara matlamat bantuan ialah membantu menjayakan operasi dakwah kepada umat Islam melalui NGO's dan Badan Dakwah mengikut garis panduan ditetapkan bersama MAIS. Selain itu, sebagai galakan kepada NGO's dan Badan Dakwah supaya memberi khidmat lebih cemerlang dalam menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran, mengukuhkan rangkaian kerjasama antara MAIS, NGO's dan Badan Dakwah demi pembangunan insan dan sosial di Selangor.

Antara NGO's yang menerima bantuan termasuk Persatuan Tahfiz Al-Quran Selangor (RM25,000), Pemadam Selangor, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia cawangan Selangor, masing-masing menerima RM20.000.

Manakala Badan Dakwah Pejabat Islam seluruh daerah di Selangor masing-masing menerima RM30,000.

Sementara itu, Seminar Zakat dan Pengurusan Interegiti NGO's Islam diadakan bagi menerap nilai intregiti di kalangan penggerak dakwah khususnya dari kalangan NGO's Islam yang menerima peruntukan zakat bagi menjalan aktiviti dakwah di negeri Selangor.

## 11 NOVEMBER

**4 November :**
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kunjungan daripada Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK) yang diketuai oleh Setiausaha Baitulmal, Syeikh Fakhrurrazi bin Yub dan Syeikh Ahmad Zaki bin Ghazali, Pegawai Wakaf.

Skop perbincangan lawatan kerja tersebut berkisar kepada kaedah pengurusan Baitulmal dan Wakaf di samping perbincangan mengenai Enakmen Wakaf Negeri Selangor dan Enakmen Wasiat. Pelbagai pandangan dan buah fikiran semasa perbincangan ini dijalankan terutama yang membabitkan pengurusan wakaf dan wasiat.

Lawatan kerja ini dipengerusikan oleh Ustaz Suhaimi bin Ismail, Penolong Setiausaha MAL. Turut sama dalam perbincangan ini ialah Pegawai Perhubungan Awam MAIS, Penasihat Undang-Undang, Akauntan dan Ketua Unit Wasiat dan Amanah. Lawatan kerja ini ternyata banyak memberi manfaat kepada kedua belah pihak bagi memantapkan pengurusan Wakaf dan Baitulmal di organisasi masing-masing.

**10 November :**
Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam Kompleks Dar-Assa'adah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengadakan lawatan ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan bagi mendapatkan pendedahan berkaitan perjalanan organisasi Baitul Ehsan terutamanya yang melibatkan peranan Baitul Ehsan menangani masalah sosial dikalangan remaja dan belia Islam.

**13 -16 November :**
Seramai 60 peserta dikalangan saudara baru telah menjalani Kursus Perkaderan Mualaf Siri 2/2009 bertempat di Kem El-Azzhar Morib selama 4 hari 3 malam anjuran Unit Dakwah Global, Bahagian Pembangunan Insan MAIS yang lalu.

Kursus ini merupakan kursus lanjutan daripada siri pertama yang diadakan pada bulan Mei yang lalu bermatlamat memberi pendedahan kepada peserta mengenai kemahiran berdakwah dan membentuk minat peserta terhadap dakwah Islamiyah khusus kepada golongan non-muslim. Selain itu, bagi memenuhi tuntutan kursus, para peserta diberi pendedahan tentang asas-asas metodologi dakwah bagi membantu pihak MAIS dalam penyebaran serta perkembangan dakwah khususnya di negeri Selangor.

**19 November :**
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima lawatan dari Seksyen Gubalan dan Terjemahan Undang-undang, Bahagian Undang-undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang lalu bertujuan mengetahui kajian mengenai penggubalan kaedah-kaedah baitulmal dan perjalanan organisasi MAIS merangkumi fungsi MAIS dan peranan MAIS dalam membangunkan institusi Baitulmal.

## 12 DISEMBER

**5 Disember :**
Seramai 10 pasangan mempelai saudara baru dirai dalam Majlis Perkahwinan Beramai-ramai Saudara Kita bagi Daerah Petaling anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Unit Pembangunan Insan Daerah Petaling dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Petaling yang lalu bertempat di Dewan Kenanga, Kompleks Kerajaan Daerah Petaling.



Majlis perkahwinan kelolaan MAIS ini dibuat sebagai tanda menghargai dan meraikan pasangan saudara kita dalam menempuhi kehidupan berumahtangga. Dalam majlis ini, daripada 10 pasangan saudara kita diraikan seramai 6 pasangan dinikahkan secara serentak oleh Ustaz Muhammad Sujak bin Mohd Dasuki, Pegawai Tadbir Agama Daerah Petaling.

**8 Disember :**

Bagi mendapatkan info-info berkaitan sistem perpustakaan, satu lawatan kerja daripada Perpustakaan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke Perpustakaan Awam Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan pada 8 Disember yang lalu.

Lawatan kerja ini bertujuan mengetahui sejarah latar belakang perpustakaan, koleksi bahan-bahan perpustakaan, perkhidmatan yang diberikan dan sistem perpustakaan yang digunakan, carta organisasi perpustakaan, ruang penempatan koleksi bahan, dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perpustakaan disamping dapat mengeratkan jalinan kerjasama dan bertukar-tukar pandangan.

**9 Disember :**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS) telah mengadakan Majlis Serahan Cek Sumbangan Kepada Rumah-Rumah Kebajikan Yang Berdaftar Di Bawah MAIS bertempat di Hotel De' Palma yang lalu.

**8 Disember :**

Bagi mendapatkan info-info berkaitan sistem perpustakaan, satu lawatan kerja daripada Perpustakaan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke Perpustakaan Awam Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang lalu.

**26 Disember :**

Seramai sepuluh pasangan saudara baru dari daerah Kuala Langat diraikan dalam satu persandingan beramai-ramai anjuran MAIS dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat bertempat di Dewan Institut Latihan Perindustrian (ILP) yang lalu.



# STATISTIK

# Statistik

## LAPORAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN SAUDARA KITA

Laporan Bagi Bulan Januari Hingga Disember 2009

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN BULANAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 360 | 136,100.00 |
| 2 | Gombak Barat | 526 | 205,800.00 |
| 3 | Hulu Langat | 708 | 358,900.00 |
| 4 | Kuala Langat | 393 | 152,100.00 |
| 5 | Sepang | 424 | 277,450.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 350 | 133,600.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 474 | 184,800.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 288 | 114,000.00 |
| 9 | Petaling | 1415 | 505,900.00 |
| 10 | Klang | 2522 | 962,100.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **7573** | **3,069,450.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN BINA RUMAH**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | - | - |
| 2 | Gombak Barat | 4 | 110,000.00 |
| 3 | Hulu Langat | 3 | 60,000.00 |
| 4 | Kuala Langat | 7 | 150,000.00 |
| 5 | Sepang | 4 | 90,000.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 19 | 440,000.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 1 | 20,000.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 2 | 40,000.00 |
| 9 | Petaling | 1 | 20,000.00 |
| 10 | Klang | - | - |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **41** | **930,000.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN BERKHATAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 6 | 1,245.00 |
| 2 | Gombak Barat | 10 | 3,229.60 |
| 3 | Hulu Langat | 3 | 560.00 |
| 4 | Kuala Langat | 2 | 380.00 |
| 5 | Sepang | 2 | 382.00 |
| 6 | Hulu Selangor | - | - |
| 7 | Kuala Selangor | 5 | 1,362.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 1 | 150.00 |
| 9 | Petaling | 4 | 1,350.00 |
| 10 | Klang | 7 | 1,675.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **40** | **10,333.60** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN BAIK PULIH RUMAH**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | - | - |
| 2 | Gombak Barat | 1 | 20,000.00 |
| 3 | Hulu Langat | 7 | 70,000.00 |
| 4 | Kuala Langat | 1 | 4,000.00 |
| 5 | Sepang | - | - |
| 6 | Hulu Selangor | - | - |
| 7 | Kuala Selangor | - | - |
| 8 | Sabak Bernam | - | - |
| 9 | Petaling | - | - |
| 10 | Klang | 2 | 50,000.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **11** | **144,000.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN GHARIMIN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | - | - |
| 2 | Gombak Barat | 2 | 3,300.00 |
| 3 | Hulu Langat | 2 | 8,450.00 |
| 4 | Kuala Langat | - | - |
| 5 | Sepang | 2 | 15,700.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 1 | 1,364.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 9 | 33,920.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 1 | 746.00 |
| 9 | Petaling | 21 | 106,324.70 |
| 10 | Klang | 36 | 322,848.51 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| | **Jumlah** | **74** | **492,653.21** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN PANJAR WANG RUNCIT**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 82 | 5,761.60 |
| 2 | Gombak Barat | 81 | 5,714.20 |
| 3 | Hulu Langat | 50 | 3,875.50 |
| 4 | Kuala Langat | 22 | 2,238.30 |
| 5 | Sepang | 22 | 3,11.30 |
| 6 | Hulu Selangor | 15 | 1,217.80 |
| 7 | Kuala Selangor | 82 | 5,499.20 |
| 8 | Sabak Bernam | 52 | 2,179.50 |
| 9 | Petaling | 102 | 6521.00 |
| 10 | Klang | 169 | 13,277.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | 314 | 36,379.02 |
| | **Jumlah** | **991** | **85,777.32** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN SEWA RUMAH**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 16 | 37,460.00 |
| 2 | Gombak Barat | 11 | 31,750.00 |
| 3 | Hulu Langat | 50 | 120,890.00 |
| 4 | Kuala Langat | 4 | 6,680.00 |
| 5 | Sepang | 12 | 28,810.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 16 | 29,900.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 46 | 97,420.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 28 | 49,490.00 |
| 9 | Petaling | 63 | 162,310.00 |
| 10 | Klang | 176 | 416,430.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **425** | **981,140.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN PERUBATAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 1 | 96.00 |
| 2 | Gombak Barat | 1 | 200.00 |
| 3 | Hulu Langat | 2 | 800.00 |
| 4 | Kuala Langat | - | - |
| 5 | Sepang | 1 | 45.00 |
| 6 | Hulu Selangor | - | - |
| 7 | Kuala Selangor | 6 | 9,028.80 |
| 8 | Sabak Bernam | - | - |
| 9 | Petaling | 4 | 10,795.00 |
| 10 | Klang | 18 | 25,985.09 |
| 11 | Ibu Pejabat | 4 | 10,851.15 |
| **Jumlah** | | **37** | **57,800.64** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN PENGURUSAN JENAZAH**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 2 | 1,300.00 |
| 2 | Gombak Barat | 3 | 2,870.00 |
| 3 | Hulu Langat | - | - |
| 4 | Kuala Langat | 2 | 1,535.00 |
| 5 | Sepang | 2 | 1,030.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 2 | 2,000.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 2 | 1,000.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 2 | 2,388.50 |
| 9 | Petaling | 4 | 4,847.00 |
| 10 | Klang | 6 | 4,900.60 |
| 11 | Ibu Pejabat | 1 | 1,177.00 |
| **Jumlah** | | **26** | **23,048.10** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN RUMAH PERLINDUNGAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | - | - |
| 2 | Gombak Barat | 14 | 4,600.00 |
| 3 | Hulu Langat | - | - |
| 4 | Kuala Langat | - | - |
| 5 | Sepang | - | - |
| 6 | Hulu Selangor | - | - |
| 7 | Kuala Selangor | - | - |
| 8 | Sabak Bernam | - | - |
| 9 | Petaling | 19 | 4,750.00 |
| 10 | Klang | 127 | 31,660.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **160** | **41,010.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN KECEMASAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 2 | 5,000.00 |
| 2 | Gombak Barat | 1 | 5,403.90 |
| 3 | Hulu Langat | 10 | 17,888.39 |
| 4 | Kuala Langat | 5 | 18,801.81 |
| 5 | Sepang | 1 | 180.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 2 | 1,766.10 |
| 7 | Kuala Selangor | 7 | 4,246.40 |
| 8 | Sabak Bernam | - | - |
| 9 | Petaling | 18 | 117,376.21 |
| 10 | Klang | 151 | 98,151.27 |
| 11 | Ibu Pejabat | 6 | 3,450.00 |
| **Jumlah** | | **203** | **272,264.08** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN PERKAHWINAN**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 14 | 14,000.00 |
| 2 | Gombak Barat | 21 | 21,000.00 |
| 3 | Hulu Langat | 22 | 22,000.00 |
| 4 | Kuala Langat | 17 | 17,000.00 |
| 5 | Sepang | 12 | 12,000.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 11 | 11,000.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 14 | 14,000.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 1 | 1,000.00 |
| 9 | Petaling | 59 | 59,000.00 |
| 10 | Klang | 37 | 37,000.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **208** | **208,000.00** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN PERNIAGAAN/MODAL**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 2 | 34,350.38 |
| 2 | Gombak Barat | 1 | 5,300.00 |
| 3 | Hulu Langat | 4 | 100,223.00 |
| 4 | Kuala Langat | - | - |
| 5 | Sepang | 2 | 2,595.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 3 | 27,000.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 4 | 111,000.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 6 | 87,465.50 |
| 9 | Petaling | 12 | 380,867.80 |
| 10 | Klang | 10 | 99,475.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | - | - |
| **Jumlah** | | **44** | **848,274.68** |

JENIS BANTUAN/SAGUHATI : **BANTUAN SAGUHATI HARI RAYA**

| Bil | Pejabat/Daerah | Bil. Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Gombak Timur | 102 | 58,800.00 |
| 2 | Gombak Barat | 162 | 90,750.00 |
| 3 | Hulu Langat | 341 | 205,300.00 |
| 4 | Kuala Langat | 67 | 40,750.00 |
| 5 | Sepang | 136 | 75,150.00 |
| 6 | Hulu Selangor | 313 | 195,950.00 |
| 7 | Kuala Selangor | 276 | 182,300.00 |
| 8 | Sabak Bernam | 56 | 34,900.00 |
| 9 | Petaling | 519 | 554,950.00 |
| 10 | Klang | 491 | 291,750.00 |
| 11 | Ibu Pejabat | 291 | 1,217,000.00 |
| **Jumlah** | | **2874** | **1,942,100.00** |

**JUMLAH KESELURUHAN : 12,707 PEMOHON (RM 9,105,851.63)**

## BILANGAN PELATIH MENGIKUT TAHUN

Sehingga 10.3.2010




## STATISTIK KEMASUKAN PELATIH TAHUN 2000 HINGGA 10.3.2010



## JUMLAH PELATIH MENGIKUT UMUR 2000 – 2010 (10.3.10)

| Bil | Umur | Jumlah | Bil | Umur | Jumlah | Bil | Umur | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 6 | 1 | 18 | 23 | 15 | 35 | 40 | 1 |
| 2 | 7 | 2 | 19 | 24 | 3 | 36 | 41 | 2 |
| 3 | 8 | - | 20 | 25 | 11 | 37 | 42 | - |
| 4 | 9 | 2 | 21 | 26 | 3 | 38 | 43 | - |
| 5 | 10 | 2 | 22 | 27 | - | 39 | 44 | 1 |
| 6 | 11 | 3 | 23 | 28 | 2 | 40 | 45 | 1 |
| 7 | 12 | 2 | 24 | 29 | 2 | 41 | 46 | 1 |
| 8 | 13 | 5 | 25 | 30 | 3 | 42 | 47 | 2 |
| 9 | 14 | 15 | 26 | 31 | 1 | 43 | 48 | 1 |
| 10 | 15 | 18 | 27 | 32 | 4 | 44 | 49 | - |
| 11 | 16 | 19 | 28 | 33 | - | 45 | 50 | - |
| 12 | 17 | 18 | 29 | 34 | 2 | 46 | 51 | 1 |
| 13 | 18 | 23 | 30 | 35 | 1 | 47 | 52 | 1 |
| 14 | 19 | 16 | 31 | 36 | 1 | 48 | 53 | - |
| 15 | 20 | 12 | 32 | 37 | - | 49 | 54 | - |
| 16 | 21 | 6 | 33 | 38 | - | 50 | 55 | - |
| 17 | 22 | 8 | 34 | 39 | - | 51 | 56 | - |

## STATISTIK KURSUS : KURSUS PEMANTAPAN SAKHSIAH




*Sumber : Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.*

# Keratan AKHBAR & Senarai KAUNTER

# Keratan Akhbar

## Sahabat Hospital bantu kebajikan pesakit

Sinar – 19/2/09

NURUL FIRDAUS KHAIRI



Antara ahli Sahabat Hospital yang hadir pada Majlis Taaruf Sahabat Hospital.

**SUNGAI MANGGIS** - Sahabat Hospital merupakan sok-ongan untuk memenuhi keperluan sosial, kebajikan, emosi dan kerohanian pesa-kit-pesakit semasa mereka menjalani program dan pe-mulihan di hospital.

Pengerusi Sahabat Hospital daerah Kuala Langat, Harun Ibrahim berkata, melalui pendedahan ini dapat membantu pesakit menyelami dan berkongsi penderitaan yang dialami mereka di samping menenangkan jiwa serta mendoakan agar disembuhkan dari segala penyakit.

Menurutnya, pihaknya sentiasa mengamalkan semangat membangunkan insan ke arah Hospital Mesra Pesakit selain menjadikan sukarelawan Sahabat Hospital meringankan beban kakitangan hospital.

"Sokongan masyarakat setempat dalam menjadikan Sahabat Hospital sebagai perantara kepada pihak hospital memberi impak kepada kehidupan yang sihat.

"Sebagai badan sukarela kita perlu memberi peluang kepada masyarakat meningkatkan kesejahteraan lebih-lebih lagi semasa berada di hospital bagi menjalani rawatan atau pemulihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Taaruf Sahabat Hospital Daerah Kuala Langat anjuran Unit Pembangunan Dakwah, Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat dengan kerjasama Sahabat Hospital Daerah Kuala Langat.

Harun berkata, peranan menyebarkan dakwah di hospital juga diterapkan dalam usaha merapatkan hubungan baik dalam kalangan pesakit dengan masyarakat setempat yang melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarelawan Sahabat Hospital.

Menurut Harun, usaha ini hendaklah berterusan supaya pesakit dapat meningkatkan ketahanan diri apabila menghadapi dugaan yang menimpa ke atas mereka.

"Sahabat Hospital juga membantu pesakit memberi sokongan moral agar golongan ini tidak dipinggirkan masyarakat.

"Justeru itu, semua pihak harus menyokong usaha yang dilakukan pihak terbabit dalam usaha meningkatkan keharmonian malah kerjasama yang ditunjukkan anggota sukarelawan ini amat membanggakan," katanya.

**fakta**

Peranan menyebarkan dakwah di hospital diterapkan kepada ahli Sahabat Hospital dalam usaha merapatkan hubungan baik dalam kalangan pesakit dengan masyarakat setempat yang melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarelawan.

Sinar 19.02.2009

## Mais anjur majlis tilawah Saudara Kita

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) telah menganjurkan Majlis Tilawah al-Quran Saudara Kita Peringkat Negeri Selangor bertempat di Kompleks Taman Kesenian Islam di sini, kelmarin.

Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Insan MAIS, Anuar Hamzah Tohar berkata, majlis ini diadakan untuk mempertingkatkan bacaan dalam kalangan saudara baru supaya dapat memahami al-Quran dengan lebih baik.

Menurutnya, ini juga dapat melatih saudara baru membaca al-Quran di khalayak ramai selain mengeratkan tali persaudaraan antara saudara baru dan ahli keluarga.

"Majlis tilawah merupakan acara tahunan Mais untuk saudara baru dan kaum keluarga peserta juga ramai yang hadir memberi sokongan selain bertukar pendapat antara satu sama lain.

"Qari dan qariah yang berjaya akan mewakili negeri Selangor pada pertandingan tilawah peringkat kebangsaan akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang juga Setiausaha Mais, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, pertandingan ini merupakan titik tolak kepada saudara baru bagi menghayati Islam dan kalimah Allah dengan lebih mendalam.

Menurutnya, aktiviti yang mengangkat martabat al-Quran seperti ini harus diperbanyakkan lagi sama ada oleh orang perseorangan atau jabatan-jabatan yang berkaitan agama Islam.

"Program membudayakan al-Quran bukan sekadar mahu menyemarakkan semangat dan kesungguhan membacanya sahaja bahkan menjadikan al-Quran sebagai perlembagaan hidup," katanya ketika berucap merasmikan majlis ini.

Muhd Assamarqandi Lee Abdullah wakil Hulu Selangor menjadi johan qari manakala naib johan milik Junatal dan Ridzuan Abdullah di tempat ketiga.

Manakala wakil dari Kuala Langat, Nur Shafatin Abdullah dinobatkan sebagai johan qariah, Roslina Chiew Abdullah wakil Klang menjadi naib johan dan Margerat@Asrinah Satur Abdullah di tempat ketiga.

Johan qari dan qariah kali ini membawa pulang wang RM3,000,piala dan sijil penyertaan.



Mohammed Khusrin (kiri) menyampaikan piala kemenangan kepada Muhd Assamarqand yang menjuarai kategori qari.

Sinar 20.07.2009

## Enakmen kutipan zakat dibentang

**SHAH ALAM:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan membentangkan satu enakmen mengenai kutipan zakat dalam usaha menjadikan ia satu kemestian yang perlu ditunaikan setiap umat Islam di negeri ini.

Ahli Lembaga Mais, Prof Dr Sidek Baba, berkata sebaik diluluskan, kutipan zakat dijangka terus bertambah berbanding tahun lalu, RM201.3 juta dikutip.

"Selepas diluluskan, diharap lebih ramai umat Islam yang layak akan menjalankan tanggungjawab mereka untuk membayar zakat dan LZS mensasarkan kutipan zakat sebanyak RM215 juta tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Cerminan Hadhari: Malaysia Sebagai Contoh Pembangunan' pada Persidangan Antarabangsa Islam Hadhari di sini, kelmarin.

Sidek berkata, zakat itu akan digunakan bagi membantu golongan yang layak termasuk fakir miskin menjalani kehidupan lebih baik sekali gus membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Katanya, golongan itu digalak menceburi bidang perniagaan selaras usaha kerajaan membasmi kemiskinan di negeri ini.

Bagi tujuan itu, katanya, LZS menyediakan khidmat nasihat kepada golongan miskin untuk mencari kawasan sesuai bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan untuk mengikis taraf fakir dan miskin.

Beliau berkata, LZS juga menganjurkan program bagi membantu anak golongan miskin yang cemerlang dengan menghantar mereka melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara.

# Mualaf perlu diberi bimbingan secara berterusan

PULAU KETAM - Umat Islam seharusnya membimbing golongan mualaf bagi membentuk keperibadian yang positif di kalangan mereka dalam menghayati ajaran Islam yang sebenar.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Shahrul Affendy Mat Saat berkata, bimbingan secara berterusan perlu diberikan bagi memastikan golongan itu memahami asas ajaran Islam dan mendalaminya.

"Sekiranya semua pihak bersatu dan bekerjasama melakukannya, nasib saudara baru di negeri ini akan terbela sekali gus menjauhkan mereka daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang agama.

"Jumlah mualaf yang semakin bertambah adalah satu petunjuk yang positif tetapi usaha murni itu tidak akan bermakna sekiranya golongan tersebut tidak dibimbing selepas bergelar seorang Muslim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Program Gotong-royong anjuran Unit Dakwah Global ,Bahagian Perhubungan Awam MAIS dengan kerjasama beberapa agensi serta jabatan kerajaan negeri di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, selain dapat membersihkan kawasan sekitar, matlamat utama program tersebut adalah untuk merapatkan lagi hubungan dengan penduduk di situ yang terdiri daripada mualaf.

"Setiap kali diadakan program sebegini, masyarakat di Sungai Dua sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen terhadap aktiviti yang dijalankan.

"Malah kita juga bakal mengadakan beberapa program khusus untuk mualaf terutama bimbingan dan tunjuk ajar dalam mendidik mereka menjadi insan yang berguna di sisi agama," katanya.



Antara yang terlibat pada Program Gotong-royong di Sungai Dua, di sini.

Sinar Harian 31.01.2009

# 38 NGO Selangor terima zakat RM1.10 juta

SHAH ALAM: Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan bantuan zakat berjumlah RM1.10 juta kepada 38 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sembilan badan dakwah di negeri ini.

Semua NGO menerima bantuan antara RM15,000 dan RM30,000 berjumlah RM830,000, manakala sembilan badan dakwah menerima bantuan zakat berjumlah RM270,000.

Bantuan disampaikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika merasmikan penutupan Seminar Zakat dan Pengurusan Integriti anjuran Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan LZS di sini, kelmarin.

Bantuan diberikan bertujuan menambah dana bagi membantu NGO Islam dan badan dakwah dalam usaha menyebarkan dakwah Islam di negeri ini.

Antara matlamat bantuan ialah membantu menjayakan operasi dakwah kepada umat Islam melalui NGO dan badan dakwah mengikut garis panduan ditetapkan bersama Mais.

Selain itu, sebagai galakan kepada NGO dan badan dakwah supaya memberi khidmat lebih cemerlang dalam menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran, mengukuhkan rangkaian kerjasama antara Mais, NGO dan badan dakwah demi pembangunan insan dan sosial di Selangor.

Antara NGO yang menerima bantuan, termasuk Persatuan Institut Tahfiz al-Quran Selangor (RM25,000), Pemadam Selangor, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia cawangan Selangor, masing-masing menerima RM20.000.

Badan Dakwah Pejabat Agama Islam seluruh daerah di Selangor pula masing-masing menerima RM30,000.

Sementara itu, Seminar Zakat dan Pengurusan Integriti NGO Islam diadakan bagi menerap nilai integriti di kalangan penggerak dakwah khususnya dari kalangan NGO Islam yang menerima peruntukan zakat bagi menjalankan aktiviti dakwah.

Berita Harian 26.10.2009




RAJA AHMAD (tengah) bergambar bersama sebahagian anak yatim di hadapan Dewan Kebajikan Nur Hikmah ketika merasmikan kelas tuisyen.

# 'Bantu anak yatim dengan ilmu'

## Beri semangat buang sikap rendah diri

Oleh Hatina Shuib
bhnews@bharian.com.my

KUANG: Sebaik melangkah kaki ke Dewan Kebajikan Nur Hikmah, di sini, pengunjung pasti tertarik melihat slogan tertera 'Bantu anak yatim dengan ilmu', yang menggambarkan kesungguhan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Nur Hikmah untuk membantu anak yatim dengan pengisian ilmu.

Pertubuhan itu mahu ilmu diberi keutamaan untuk kehidupan anak yatim yang lebih cerah pada masa depan dan bukan sekadar membantu mereka dengan pemberian wang.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Nur Hikmah Selayang, Datuk Raja Ahmad Niza Raja Ismail, berkata anak yatim perlu diberi semangat untuk belajar dan membuang sikap rendah diri untuk melangkah ke dunia realiti.

"Saya bersetuju dengan falsafah 'Berikan mereka pancing, jangan berikan ikan kerana ikan akan habis dimakan, tetapi dengan pancing, mereka boleh belajar mencari ikan'.

"Beri wang, wang akan habis. Beri jamuan, jamuan sekali jamah. Beri pakaian, pakaian akan lusuh, maka berilah ilmu kerana ilmu bekalan untuk hidup pada masa depan yang lebih cerah," katanya di sini.

Berpandukan falsafah itu, beliau berkata, pertubuhan mewujudkan kelas tuisyen bagi mata pelajaran teras untuk membantu mendidik anak yatim terbabit selain mewujudkan kelas asas komputer selama tiga bulan, dinamakan Program Celik Komputer.

Pada awal 2009, Nur Hikmah mendaftarkan seramai 256 anak yatim dari Ladang Baru, Kampung Cempedak, Kampung Damai, Pekan Kuang, Hulu Kuang, Sungai Serai dan kawasan sekitar.

Pertubuhan itu akan menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim) bagi memantapkan lagi kegiatan kebajikannya.

Pertubuhan itu juga melantik seorang penasihat iaitu Prof Dr Khalijah Mohd Salleh bagi menyelidik dan mengkaji sistem yang lebih sesuai dari segi pendekatan, penyampaian dan psikologi.

Unit Dakwah Ar Riqab, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut menghulurkan bantuan RM30,000 bagi kegunaan anak yatim.

Raja Ahmad Niza berkata, pihaknya membeli 15 komputer bagi memudahkan anak yatim belajar menggunakan komputer yang kini menjadi keperluan untuk berjaya dalam pendidikan.

Katanya, sebahagian besar sumbangan LZS tahun ini juga akan digunakan bagi membeli komputer dan keperluan kelas lain termasuk perpustakaan kecil bersebelahan Dewan Nur Hikmah.

"Tidak seperti anak yatim lain yang ditempatkan di asrama, anak yatim di sini tinggal bersama ibu atau penjaga masing-masing. Kami di sini lebih menumpukan kepada pendidikan," katanya.



RAJA AHMAD (dua dari kiri) memantau kegiatan anak yatim dalam Program Celik Komputer.

Berita Harian 04.11.2009

B. Harian 21.08.2009

# Mais agih wang zakat ikut titah Sultan Selangor

## Masyarakat Islam tidak perlu ragu tunaikan kewajipan agama

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bharian.com.my

SHAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan terus mengagihkan wang zakat mengikut peraturan dan peruntukan sedia ada iaitu kepada lapan asnaf ditetapkan selaras titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sehubungan itu, tidak akan wujud keraguan di kalangan masyarakat Islam yang membayar zakat di Selangor mengenai bagaimana wang zakat digunakan.

Pengerusi Mais, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata titah baginda itu jelas berikutan peranan Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai ketua agama di Selangor.

Katanya, soal sama ada wang zakat akan digunakan untuk tujuan lain tidak timbul.

"Ini adalah soal hal ehwal Islam. Zakat dan baitulmal adalah di bawah bidang kuasa Tuanku. Kerajaan Selangor tidak ada kuasa atau hak.

"Jika Kerajaan Selangor mahu meneruskan cadangan itu, mereka perlu mendapatkan perkenan daripada Tuanku terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Konvensyen Dakwah dalam Masyarakat Majmuk Selangor di sini, semalam.

Mohamad Adzib berkata demikian ketika mengulas mengenai titah Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin yang melarang wang kutipan zakat diambil, dipinjam atau disalurkan untuk tujuan lain selain membantu umat Islam dan pembangunan ummah di negeri itu.

Bagaimanapun, katanya, jika Kerajaan Selangor berhasrat menggunakan wang daripada baitulmal, ia boleh digunakan kerana ia berbeza daripada wang kutipan zakat.

Katanya, wang baitulmal adalah hasil kutipan daripada usaha pembangunan yang dijalankan Mais seperti sewa bangunan, penjualan tanah, faraid dan wakaf, sedangkan wang zakat, walaupun disalurkan kepada Mais melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS), ia mempunyai akaun berasingan.

"Wang baitulmal boleh digunakan untuk tujuan pembangunan setakat yang ada. Ia bertambah setiap tahun dan digunakan untuk membayar gaji kakitangan Mais. Nak kata banyak tidaklah. Kalau kita ada banyak harta, kita pungut sewa yang banyak," katanya.

Berita Harian 21.08.2009

# Mais yakin capai sasaran zakat RM235 juta

Sinar - 16/12/09

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berjaya memperoleh kutipan zakat sebanyak RM199 juta bagi tempoh Januari sehingga November tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, jumlah tersebut di jangka akan mencapai sasaran kutipan iaitu sebanyak RM235 juta bagi tahun ini.

Menurutnya, daripada jumlah kutipan itu sebanyak RM41.9 juta dikutip daripada zakat perniagaan.

"Bagaimanapun, kita percaya kutipan itu dijangka meningkat memandangkan kita akan memperluaskan lagi kutipan dan usaha untuk menggalakkan lebih ramai individu dan syarikat korporat membayar zakat terbabit.

"Sementara itu, di bawah setiap asnaf, terdapat pelbagai aktiviti dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan mereka dan juga kepentingan syiar Islam di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Bayaran Zakat Perniagaan dan Pelancaran e-Zakat Pay di sini, semalam.



Mohamad Adzib (enam dari kanan) bersama wakil syarikat korporat yang membayar zakat perniagaan.

Beliau berkata, melalui pungutan zakat itu, Mais dapat memberi perhatian khusus dalam membantu golongan yang memerlukan melalui pelbagai bentuk bantuan kebajikan, malahan program meningkatkan taraf hidup masyarakat dan juga syiar Islam turut menjadi perhatian utama.

Sinar 16.12.2009

# Sultan Selangor lantik dua muka baru Ahli MAIS

Utusan 9/1/09

SHAH ALAM 8 Jan. - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah melantik dua muka baru sebagai Ahli Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkuat kuasa Januari ini.

Dua individu berkenaan, Datuk Abdul Halim Abdul Rauf, 71, yang juga Ahli Dewan Diraja Selangor serta Dr. Ab. Halim Tamuri, 42, yang merupakan seorang Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Upacara penyerahan watikah disempurnakan sendiri baginda hari ini disaksikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim serta beberapa pegawai kanan kerajaan negeri.

Abdul Halim yang berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan memulakan tugasnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) pada tahun 1982 hingga 1985 kemudian sebagai Ketua Pengarah Imigresen (1987 hingga 1988) serta menjawat Ketua Pengarah ICU pada tahun 1993.

Sementara itu, Ab. Halim yang merupakan ahli akademik pernah bertugas sebagai pensyarah di UKM pada tahun 2000 hingga 2005 dan beliau juga adalah salah seorang Ahli Panel Khutbah Negeri Selangor yang dilantik pada tahun 2008 hingga sekarang.

Dalam pada itu, Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa dilanjutkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi MAIS untuk tempoh tiga tahun lagi iaitu sehingga tahun 2011 apabila menerima watikah pelantikan dalam upacara itu hari ini.

Beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi MAIS sejak tahun 2006.

Selain Mohamad Adzib, Exco Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Dr. Hassan Mohamed Ali turut dilantik sebagai Timbalan Pengerusi MAIS bagi penggal 2009 hingga 2011.

Turut dilantik semula ialah Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar.

Utusan 09.01.2009

# Mais tegas pertahan kedaulatan institusi raja

HM 25/2/09

SHAH ALAM: Persidangan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 19 Februari lepas menetapkan pendirian mempertahankan kedaulatan institusi raja dan menjunjung taat setia kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Timbalan Setiausaha Mais, Abdul Halem Hapiz Salihin berkata, pendirian berkenaan selaras dengan kedudukan Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam Negeri, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

"Mais juga menegaskan akan terus menghormati dan mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu yang berperanan menjamin kedaulatan Islam sebagai agama bagi persekutuan dan hak orang Melayu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurut Abdul Halem Hapiz, Mais dalam persidangan itu juga bersetuju wang syubhah (haram) daripada orang perseorangan, syarikat ataupun mana-mana pihak dalam kerajaan Selangor hendaklah disalurkan ke dalam Baitulmal Mais untuk kegunaan umum seperti pembinaan kemudahan awam yang memanfaatkan orang Islam dan bukan Islam.

Bagi memudahkan penyaluran wang syubhah ini, orang ramai dinasihati menyerahkan wang berkenaan sama ada dalam bentuk tunai ataupun cek atas nama Mais.

Mais dalam persidangan itu juga meluluskan Elaun Insentif Khas Hafiz Selangor yang berusia bawah 18 tahun dengan pemberian RM3,000 seorang setahun jika seseorang hafiz itu berjaya melepasi ujian tahap hafazan yang dilaksanakan dua kali setahun.

Mesyuarat itu turut meluluskan RM320,000 kepada 16 masjid terpilih bagi fasa pertama untuk penyediaan prasarana multimedia bagi jemaah mengikuti khutbah lebih berkesan. - Bernama

Harian Metro 25.02.09

31/10/2009
B. HARIAN

Majlis Agama Islam Selangor

## PEMBERITAHUAN

**Menjunjung Titah Perintah**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj**
**Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj**
**yang menitah dan mengingatkan kepada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid bahawa:**

**1. Pemegang Amanah Tunggal**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid dalam negeri Selangor.

*Seksyen 96 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

**2. Penggunaan Masjid**

Masjid-masjid di negeri Selangor hendaklah digunakan sebagai:

a. Tempat untuk orang-orang Islam beribadat, terutamanya untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat;
b. Pusat kegiatan agama Islam dan penyebaran dakwah; dan
c. Pusat sumber maklumat penduduk dan maklumat tentang MAIS dan maklumat lain.

Masjid tidak boleh digunakan sebagai:

a. **Gelanggang politik yang boleh menyakiti dan memecahbelahkan perpaduan ummah**
b. Hotel, rumah tumpangan atau tempat penginapan.

*Kaedah 34 (1) dan (2), Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

**3. Tauliah Ceramah dan Mengajar**

Penceramah di masjid-masjid **hendaklah mempunyai tauliah** dan mana-mana orang yang mengajar tentang Agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

*Seksyen 119 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*

**4. Menjaga adab-adab semasa di dalam masjid seperti:**

a. Solat Tahiyatul Masjid dan Niat Iktikaf
b. Sentiasa menyebut nama Allah
c. **Menghentikan percakapan berunsur cacian, menfitnah, menyakiti hati dan menghina Islam.**

**5. Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah**

a. Setiap masjid hendaklah ditadbirkan oleh pegawai masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah

*Kaedah 6 (1), Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

b. **Nazir sesuatu masjid hendaklah mengetuai pengurusan dan pentadbiran masjid**

*Kaedah 15 (a), Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

c. Dalam melaksanakan tugasnya, pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

*Seksyen 103, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*
*Kaedah 6 (4), Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001*

**6. Menghina Pihak Berkuasa Agama**

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar, atau mempertikaikan perintah atau arahan:

a. Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
b. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
c. Mufti, yang dinyatakan atau diberikan fatwa,

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

*Seksyen 12 (a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995*

**"Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor turut menitah dan berpesan kepada semua orang Islam khususnya orang Melayu sentiasa mengeratkan perpaduan dan persefahaman"**

**Sebarang aduan sila hubungi:**
**Hotline: 1-800-88-2424 (Penguatkuasa JAIS)**
**SMS: 019-6565 400 Email: mail@mais.gov.my**
**Laman web: www.mais.gov.my**
**18 September 2009 28 Ramadhan 1430H**

| PENGERUSI: MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR | DATO' SERI UTAMA DIRAJA: MUFTI SELANGOR | PENGARAH: JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR |
|---|---|---|

Berita Harian 31.10.2009

# REBUTLAH PELUANG BERWAKAF PADA BULAN RAMADAN YANG MULIA INI DENGAN MENYERTAI

# Saham Wakaf Selangor

## "Saluran Wakaf Tunai Anda"

## Pembangunan Melalui Saham Wakaf Selangor

- Masjid Tengku Kelana Jaya Petra SS17, Kelana Jaya
- Pembinaan semula Masjid An-Nur Kampung Kunci Air Buang, Tanjung Karang
- Pembelian 5 lot kedai, Bandar Bukit Puchong
- Perpustakaan Wakaf MAIS
- Pembinaan Sekolah Rendah Agama Pulau Indah (dalam proses pembinaan)
- Pembelian lot kedai untuk pembangunan ekonomi umat Islam (projek akan datang)
- Bantuan umum masyarakat dalam bentuk pembangunan kekal

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR,
Tingkat 9 & 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan



"Wakaf Penggerak Pembangunan Ummah"

"Bersedekahlah walaupun sebelah tamar bagi melepaskan diri daripada api neraka."
(Riwayat Bukhari)

Tel : 03-5514 3570/3752/3765 Klik : www.mais.gov.my

Berita Harian11.09.2009

# Perkim juara Bola Sepak 9 Sebelah MAIS

Sinar - 7/1/09

NORSUZIYANNIE MAT NOOR



Pemain Perkim dan LZS bergambar kenangan sebelum perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Amal 9 Sebelah di Stadium Mini, Shah Alam.

**SHAH ALAM** – Sebanyak 20 institusi agama Islam sekitar negeri ini menyertai Kejohanan Bola Sepak Amal 9 Sebelah anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Stadium Mini, Shah Alam, baru-baru ini.

**Sinar Harian** difahamkan objektif penganjuran kejohanan itu adalah bertujuan beramal dengan menyumbangkan wang yuran pertandingan berkenaan ke Akaun Wakaf Selangor, selain merapatkan ikatan ukhuwah peserta.

Pengerusi MAIS, Datuk Mohd Azib Mohd Isa berkata, kejohanan yang mendapat sambutan menggalakkan ini wajar diteruskan pada masa depan bagi mengeratkan hubungan antara kakitangan institusi yang menyertainya.

"Kita berjaya mengumpul sebanyak RM1,000 dan kutipan ini akan disalurkan ke Akaun Wakaf Selangor bagi membantu golongan yang memerlukan.

"Sebelum ini, kita hanya menganjurkan aktiviti sukan sesama kakitangan MAIS sahaja seperti futsal, bola jaring dan juga badminton, namun kali ini kita telah merancang untuk menganjurkan lebih besar dengan melibatkan institusi lain," katanya.

Menurut Mohd Azib, pihaknya juga akan menjadikan kejohanan itu sebagai acara tahunan berdasarkan penyertaan yang menggalakkan kali ini.

Mohd Azib berkata, dengan menyertai aktiviti sukan seperti ini tidak akan menghalang kakitangan yang juga pemain untuk mematuhi hukum dalam Islam dengan menutup aurat ketika perlawanan.

"Islam menggalakkan kita menyertai aktiviti sihat apatah lagi dengan bersukan namun perlulah pandai untuk kita menjaga akhlak dan hukum-hukum yang ditetapkan.

"Dengan bersukan bukan hanya dapat berdakwah dan merapatkan hubungan sesama insan malah menyihatkan tubuh badan dengan mengeluarkan peluh serta menghilangkan tekanan selepas kesibukan bekerja di pejabat," katanya.

Menurutnya, selepas ini beliau berharap lebih ramai kakitangan dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukan seterusnya dapat mengasah bakat-bakat yang terpendam untuk diketengahkan.

Pada perlawanan akhir, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) muncul juara setelah menewaskan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Perkim berjaya membawa pulang RM1,000 dan pingat kejohanan manakala LZS menerima RM750, diikuti Pitas di tempat ketiga.



MOHD AZIB MOHD ISA

**fakta**

Objektif penganjuran kejohanan itu adalah bertujuan beramal dengan menyumbangkan wang yuran pertandingan berkenaan ke Akaun Wakaf Selangor

Sinar 07.01.2009



DIRAIKAN... Haily Junis (kanan sekali) dan isterinya, Liza (dua dari kanan) memotong kek perkahwinan bersama dua pasangan pengantin lain.

# 20 saudara baru kahwin

>>Oleh AMIRUL HASWENDY ASHARI

SUBANG JAYA: Seramai 10 pasangan saudara baru yang baru melangsungkan perkahwinan diraikan secara meriah dalam satu majlis perkahwinan di Dewan Kenanga, Kompleks Kerajaan Daerah Petaling, Subang Jaya di sini, semalam.

Majlis yang pertama kali diadakan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) itu membabitkan saudara baru Orang Asli daripada suku Temuan dari Desa Temuan Bukit Lanjan, Air Kuning dan Sungai Rasa, Puchong.

Pendaftar Kanan Nikah Pejabat Agama Daerah Petaling yang juga jurunikah dalam majlis itu, Mohd Sujak Mohamad Dasuki, berkata selain meraikan pasangan pengantin terbabit, majlis juga bertujuan membuktikan kebajikan mereka selepas memeluk Islam tidak diabaikan.

"Kita hendak menunjukkan apabila mereka memeluk Islam, inilah cara pernikahan dijalankan. Malah Islam sendiri menggalakkan pasangan baru bernikah diraikan dalam suasana meriah sebegini" katanya.

Saudara baru, Mohd Marzuki Mohd Judin, 20, berkata, pada mulanya dia agak gementar kerana tidak arif soal nikah kahwin memandangkan baru memeluk Islam tahun lalu.

"Dengan sekali lafaz, saya bersyukur kerana Mais banyak memberi tunjuk ajar dalam membentuk kami menjadi muslim sejati malah gembira kerana diraikan sebegini," katanya.

Pasangannya, Nor Megawati Mohd Sharifudin, 18, berkata detik awal perkenalan melalui perbualan telefon membuatkan hatinya ingin mengenal lebih dekat jejaka yang kini menjadi suaminya yang sah.

"Oleh kerana kami dari suku yang sama perkenalan itu lebih mudah kerana saya berasal dari Negeri Sembilan walhal suami dari sini.

"Majlis ini amat bermakna kerana ramai saudara baru yang masih belum arif selok belok perkahwinan secara Islam dapat melihat dan mengetahuinya sendiri," kata Megawati.

Ini turut dipersetujui Haily Junis Muqah, 19, dari suku Kadazan Dusun yang memeluk Islam lima tahun lalu selepas berhijrah dari Ranau, dan bernikah dengan Liza Zahari, 26, dari Sabah.

"Pergaulan seharian bersama rakan beragama Islam membuatkan saya terdetik untuk memeluk Islam," katanya.



Khusrin (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Abdul Halim pada Majlis Mais Intelectual Discourse 2009 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

# Wakaf tunai, alternatif umat Islam

Sinar 30/6/09

> "Saham Wakaf Selangor adalah satu kaedah berwakaf melalui wang tunai dengan cara membeli unit saham yang ditawarkan oleh Mais dan mewakafkan unit saham tersebut kepada Mais kerana Allah SWT."
>
> - Setiausahanya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) membuka peluang kepada rakyat di negeri ini menggunakan wang tunai sebagai alternatif berwakaf.

Setiausahanya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, wakaf tunai atau dikenal sebagai Saham Wakaf Selangor adalah alternatif kepada wakaf harta seperti tanah dan bangunan.

Menurutnya, wakaf tunai bukanlah perkara baru malah ia telah mula dilancarkan pada 2002 dan bersempena Rejab yang menjadi bulan wakaf di Selangor, Mais cuba memperkenalkan semula konsep wakaf menggunakan wang tunai itu.

"Saham Wakaf Selangor adalah satu kaedah berwakaf melalui wang tunai dengan cara membeli unit saham yang ditawarkan oleh Mais dan mewakafkan unit saham tersebut kepada Mais kerana Allah SWT.

"Langkah ini bertujuan memanfaatkan kebajikan umat Islam," katanya pada Majlis Mais Intelectual Discourse 2009 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau berkata, had minimum yang ditetapkan untuk orang ramai berwakaf melalui wang tunai adalah RM10.

Katanya, wang saham wakaf itu akan disalurkan kepada pembinaan serta pembaikan masjid, surau, sekolah agama dan kemudahan awam.

Menurut Khusrin yang juga Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), sejak pelaksanaan Saham Wakaf Selangor tersebut, pelbagai projek pembangunan wakaf telah dilaksanakan seperti perpustakaan dan masjid.

"Dalam memastikan kesinambungan perjalanan pengurusan wakaf yang lebih teratur, Mais telah mewujudkan satu pelan bertindak pembangunan wakaf Mais 2005 hingga 2010.

"Aktiviti utama dalam pelaksanaan itu adalah membentuk kecekapan dan pemantapan pegawai serta kakitangan wakaf, penubuhan ikon wakaf dan jaringan kerjasama dengan agensi luar," katanya.

Beliau berkata, Mais kini mewujudkan satu lagi ikon wakaf dalam bentuk pendidikan iaitu Perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa (Kuis) yang dijangka menelan belanja RM13.3 juta.

Selain itu, Mais melalui perancangan pelan bertindak pembangunan wakaf negeri Selangor juga telah mewujudkan sistem pangkalan data tanah wakaf Mais secara berkomputer.

"Ini dapat memudahkan Mais membuat semakan ke atas tanah wakaf Mais selain merancang kesesuaian pembangunan yang hendak dilaksanakan," katanya.

Sinar 03.06.2009

# Sultan Selangor kurnia watikah perlantikan Ahli Mais baru

Selangor Kini - Feb 09

**SHAH ALAM:** Seramai 15 orang Ahli Majlis Agama Islam Selangor (Mais) bagi sesi 2009 hingga 2011 hari ini menerima watikah pelantikan daripada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Istana Bukit Kayangan pada 8 Januari lalu dekat sini.

Mereka ialah Pengerusi Mais, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Timbalan Pengerusi Mais, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Dr Hasan Mohamed Ali, Ahli-ahli Mais; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ramli Mahmud, Penasihat Undang-Undang Negeri, Datin Paduka Zauyah Be Loth Khan, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Arif Ab Rahman, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyes Abd Wahid dan Ketua Polis Selangor, Dato' Khalid Abu Bakar.

Hadir sama pada majlis itu, Dato' Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Turut menerima watikah ialah Ahli-ahli Mais yang dilantik semula iaitu Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj Tengku Shahruddin Shah Alhaj, Dato' Sarip Hamid, Dato' Aidit Ghazali, Prof Datin Paduka Dr Zaleha Kamarudin, Prof Dr Sidek Baba dan Dato' Salehuddin Saidin.

Dua muka baru yang turut menerima watikah ialah Ahli Dewan Diraja Selangor, Dato' Setia Abdul Halim Dato' Abdul Rauf dan Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ab Halim Tamuri.



*Ahli MAIS yang baru dilantik oleh Sultan Selangor, dari kiri, Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj Bin Tengku Shahruddin Shah Alhaj, Dato' Setia Abdul Halim Bin Dato' Haji Abdul Latif, Prof. Datin Paduka Dr. Zaleha Bt. Kamarudin dan Dato' Aidit Bin Ghazali.*

Dalam istiadat sama, Sultan Selangor turut berkenan menyampaikan Darjah Kebesaran negeri Selangor kepada tiga penerima yang tidak dapat hadir dalam istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran sempena hari keputeraan baginda yang ke-63 pada 11 Disember lalu.

Mereka ialah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Abdul Aziz Mohd Yusof yang menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Pengarah Urusan Satay Kajang Haji Samuri Sdn Bhd, Dato' Haji Samuri Juraimi, penerima Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) serta Peguambela dan Peguamcara, Dato' Salehuddin Saidin yang dikurniakan Darjah Kebesaran Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.).

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada tiga orang Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah dan seorang Ketua Pendakwa Syarie.

Selangor Kini 09.02.2009

# 40 rumah kebajikan terima bantuan MAIS

Utusan 10/12/09

SHAH ALAM 9 Dis. – Sebanyak 40 buah rumah kebajikan menerima bantuan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjumlah RM710,000 bagi meringankan beban pihak pentadbir yang menguruskan premis-premis tersebut.

Sebanyak RM340,000 daripada jumlah itu diperuntukkan kepada rumah kebajikan yang menawarkan khidmat perlindungan, pemulihan dan rawatan manakala RM370,000 diagihkan kepada fakir miskin, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim.

Sumbangan yang menggunakan asnaf Ar-Riqab menerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu disampaikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Ali Mohamad kepada semua wakil rumah kebajikan tersebut dalam satu majlis ringkas di sini hari ini.

Menurut Ali, program itu merupakan sumbangan kali kedua untuk tahun ini, setelah kali pertama sebanyak RM945,000 disalurkan kepada 38 buah rumah kebajikan.

Beliau berkata, antara rumah kebajikan yang mendapat sumbangan pada kali ini ialah Persatuan Kebajikan Anak HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Selangor, Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih), Pusat Penjagaan Baitul Islah Shah Alam dan Pertubuhan Anak Yatim Sungai Pinang, Klang.



ALI Mohamad (tengah) bersama wakil rumah perlindungan dan golongan kurang berkemampuan pada majlis penyerahan sumbangan dari MAIS di Shah Alam, semalam.

"Kesemua rumah kebajikan ini mendapat sumbangan berbeza bergantung pada jumlah penghuni dan juga berdasarkan keperluan masing-masing," katanya kepada wartawan selepas majlis tersebut.

Ali menambah, sumbangan seperti itu akan diteruskan setiap tahun dan menjadi tanggungjawab pihak MAIS untuk menghulurkan sedikit bantuan bagi meringankan bebanan pengusaha rumah kebajikan berkenaan.

Ujar beliau, selagi masyarakat menunaikan tanggungjawab membayar zakat selagi itu MAIS akan terus memberi bakti kepada mereka yang memerlukan.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Dakwah MAIS mengucapkan tahniah kepada pengusaha-pengusaha rumah kebajikan tersebut yang sedaya upaya menguruskan premis berkenaan kerana ia adalah usaha yang murni.

Sementara itu, Pengasas Pernim, Norlina Alawi melahirkan rasa syukur kerana menerima sumbangan daripada MAIS itu yang dapat meringankan beban bagi menanggung kos mengendalikan rumah kebajikan diusahakannya.

Katanya, walaupun jumlah yang disumbangkan tidak mencukupi bagi menampung kos bulanan hampir RM50,000 sebulan dengan jumlah penghuni 60 orang tetapi sekurang-kurangnya ia dapat membantu.

"Ini kali ketiga Pernim menerima sumbangan MAIS dan berharap ia akan berterusan bagi membolehkan saya meneruskan usaha melindungi kebajikan anak-anak yang dijangkiti HIV dan AIDS.

"Bukan itu sahaja, apa yang paling saya harapkan adalah doa daripada seluruh masyarakat agar dapat meneruskan usaha ini supaya nasib anak-anak tidak berdosa itu terbela," ujarnya.

Utusan 10.12.2009



Rose Efendi (duduk, tiga dari kanan) dan Penguasa Baitul Iman, Noraishah Ismail (duduk, tengah) bersama penguasa dan kakitangan.

Sinar – 2/4/09

# Baitul Iman realisasikan hasrat Mais pulih akidah

remaja belia

**HULU YAM** – Peningkatan masalah sosial atau keruntuhan moral dan akidah dalam kalangan remaja dan belia Islam hari ini semakin membimbangkan.

Pencegahan secara proaktif seharusnya diambil bagi mencegah seterusnya menangani permasalahan itu.

Bagi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), inisiatif untuk menubuhkan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Baitul Iman) adalah langkah terbaik mengatasi masalah itu.

Timbalan Penguasa Baitul Iman, Rose Efendi Marjumat berkata, penubuhan pusat pemulihan itu bertujuan memberi bimbingan dan kaunseling kepada individu, kumpulan serta keluarga yang terlibat dalam permasalahan itu.

"Baitul Iman pada dasarnya berperanan sebagai pusat pemulihan dan pemurnian akidah pelatih yang di senarai sebagai kurang pemahaman akidah dan memiliki permasalahan sosial.

"Di sini, mereka diberi bimbingan dan kaunseling sehingga mampu mengembalikan kesedaran, ke insafan seterusnya taat kepada perintah Allah SWT," katanya kepada **Sinar Harian** di sini.

Menurutnya, Baitul Iman amnya berfungsi sebagai pusat yang membekalkan khidmat kaunseling kepada pelatih secara individu dan kelompok.

Melalui aktiviti yang dilaksanakan, pelatih akhirnya dibimbing dengan pemahaman agama selari dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Pembangunan sosial insan tidak akan cemerlang jika mereka tidak mempunyai kekuatan dalaman yang benar-benar dituntut dalam Islam.

"Melalui modul dan aktiviti yang dirangka dan dilaksanakan secara harian, bulanan dan tahunan, pelatih yang ditempatkan di sini akhirnya lahir berserta kualiti akhlak, jati diri yang mantap selain menguasai al-Quran serta pemahaman fardu ain yang tinggi," katanya.

Rose Efendi berkata, modul latihan yang diterapkan dalam diri pelatih yang ditempatkan di pusat ini merangkumi keperluan fizikal dan mental.

Menurutnya, pelatih turut didedahkan dengan kemahiran berbentuk bengkel dan latihan seperti menjahit, kraf tangan, memasak dan aktiviti penternakan serta pertanian.

Beliau berkata, program latihan tidak terhenti di situ malah modul lanjutan turut dilaksanakan sehingga melibatkan keluarga pelatih.

Menurut beliau, dengan pemberian kaunseling dan menerapkan nilai murni Islam terhadap keluarga atau ibu bapa, pemurnian akidah pelatih akan sentiasa terlaksana.

"Diharap, penubuhan pusat ini mampu mencapai matlamatnya dalam mengembalikan kesedaran, keinsafan dan ketaatan pelatih kepada akidah Islam selari dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah," katanya.

# Syarikat korporat disaran derma SWS

ROSNANI SAAD

SHAH ALAM – Syarikat-syarikat korporat disaran untuk menggalakkan kakitangan masing-masing menyumbang RM2 sebulan kepada Saham Wakaf Selangor (SWS) melalui potongan gaji sebagaimana yang diamalkan oleh kakitangan awam negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, ia selaras dengan resolusi multaqa, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang menitahkan kakitangan kerajaan yang beragama Islam menyumbang sebanyak RM2 sebulan kepada Saham Wakaf Selangor melalui potongan gaji.

Menurutnya, wakaf suatu ketika dahulu sering dikaitkan dengan sumbangan individu tuan-tuan tanah.

"Pada masa sekarang, kita menggalakkan golongan korporat untuk sama-sama terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dengan menyumbang kewangan untuk diurus dan ditadbir oleh Mais (Majlis Agama Islam Selangor) dan pembangunan wakaf," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Malam Amal Wakaf 2009, di sini, malam kelmarin. Hadir sama, Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa.




Abdul Khalid (kanan) menerima sumbangan Saham Wakaf Selangor yang disampaikan oleh wakil dari Kuis.

Abdul Khalid berkata, majlis yang diadakan buat kali ketiga itu bertujuan mengutip dana saham wakaf Selangor dan memberi pendedahan kepada individu serta syarikat korporat berkaitan Saham Wakaf Selangor yang berkonsepkan wakaf secara tunai.

**mulaqa terbuka**

"Produk Saham Wakaf Selangor ini adalah peluang bagi individu dan syarikat korporat memperkasa ekonomi umat Islam.

"Saya berpendapat, sudah tiba masa untuk meluaskan skop dan cara menyumbang kepada pembangunan wakaf, iaitu tidak lagi terhad kepada harta yang tidak alih seperti tanah dan rumah sahaja.

"Bahkan, menerusi Saham Wakaf Selangor, saya percaya urusan wakaf lebih terbuka bukan sahaja kepada golongan yang berharta tetapi juga kepada golongan pertengahan," katanya.

Beliau juga yakin konsep wakaf tunai ini mempunyai potensi yang tinggi untuk maju dalam membangunkan dunia dan syiar Islam kerana ia dapat menggalakkan umat Islam berwakaf dengan tunai yang dimiliki dan ia adalah cara mudah bagi umat Islam melaksanakan ibadah wakaf.

"Saya berpendapat, konsep ini perlu disokong oleh semua pihak termasuk individu mahu pun syarikat korporat.

"Penglibatan semua pihak boleh membantu menggembleng tenaga menjana kembali kekuatan sistem pengurusan wakaf demi kepentingan ummah," katanya.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, Abdul Khalid melancarkan saluran berwakaf secara elektronik yang dikenali sebagai E-Wakaf.

Mais turut menerima sumbangan berjumlah RM35,000 daripada empat penyumbang Saham Wakaf Selangor iaitu Worldwide Sdn Bhd, Solar Alert Sdn Bhd dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), yang mana masing-masing menyumbang sebanyak RM10,000, serta Kumpulan Darul Ehsan Berhad (RM5,000).

# Pekan Banting meriah dengan 10 pasangan pengantin



10 pasangan saudara baru bersanding di atas pelamin dan diraikan penuh meriah.

**BANTING** - Seramai 10 pasangan saudara baru dari daerah Kuala Langat diraikan dalam satu persandingan beramai-ramai di sini, semalam.

Mereka terdiri daripada enam pasangan masyarakat Orang Asli, dua pasangan Kemboja, satu pasangan Cina dan satu pasangan India yang berumur antara 15 hingga 43 tahun.

Sebelum majlis persandingan dimulakan, dua pasangan dari masyarakat Orang Asli, Jamaludin Awang dan Siti Rubayah Abdullah serta Muhammad Firdaus Ribut dan Noradila Abdullah dinikahkan di hadapan kira-kira 100 tetamu jemputan.

Majlis persandingan ini diadakan di dewan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat di Jugra dekat sini anjuran Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan dirasmikan Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Datuk Uzair Tengku Zainon Rashid Shah.

Selain disandingkan beramai-ramai di atas pentas, mereka juga makan bersama pasangan masing-masing dalam acara makan beradat.

Muhammad Nurul Iman Abdullah, 26, berbangsa India dan pasangannya Norliza Abdul Latif, 25, berkata, mereka berasa bertuah kerana hari persandingan mereka jatuh pada hari lahir Norliza.

Muhammad seorang pemandu lori memeluk Islam dua tahun lalu dan menikahi Norliza pada 3 November lalu.

Bagi pasangan masyarakat Orang Asli, Mohd Farez Johari, 22, dan isterinya Ema Zyra Abdullah, 22, berkata mereka merasa gembira kerana berpeluang bersanding secara beramai-ramai bersama saudara baru yang lain.

Mohd Farez yang bekerja sebagai pemandu lori berkata, dia mengenali Ema sejak dari bangku sekolah lagi dan mengakhiri persahabatan mereka dengan ikatan perkahwinan pada Ogos lalu.

Sementara itu pasangan berbangsa Kemboja, Rashid Abdullah, 25 dan Umi Kalsom Abdullah berkata, mereka merasa amat terharu dengan kehadiran tetamu jemputan yang meraikan mereka dan juga mereka yang sudi menaja majlis persanding mereka di sini.

Pada majlis itu, kesepuluh pasangan itu menerima hadiah perkahwinan berbentuk barangan sebagai persediaan menempuhi alam rumah tangga.



Pasangan pengantin Muhammad Nurul Iman Abdullah bersama isteri, Norliza Abdul Latif (tengah) memotong kek sambil diperhatikan pasangan pengantin yang lain.



Orang Besar Daerah Kuala Langat Raja Datuk Uzair Tengku Zainon Rashid Shah (berdiri dua, kiri) dan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Kuala Langat , Md Razali Hassanusi (berdiri empat, kiri) beramah mesra dengan pasangan pengantin.



Dua pengantin lelaki mencium dahi pasangan masing-masing pada upacara akad nikah.

# Sidek Baba terima anugerah

Utusan - 10/3/09

Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR
dan MOHAMAD SHOFI MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 9 Mac – Pensyarah Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dr. Sidek Baba dipilih sebagai penerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul tahun ini.

Anugerah pertama kali diperkenalkan itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Selain menerima sijil penghargaan, pakar pendidikan Islam dan integrasi ilmu antara Islam dan Barat itu turut menerima wang tunai RM50,000 dan plak.

Beliau juga aktif dalam penulisan ilmiah dengan hampir 1,000 kertas kerjanya dibentangkan bukan sahaja di negara ini malah Brunei, Indonesia, Thailand, Jepun dan China.

Sidek juga aktif menyampaikan ceramah berbentuk dakwah, kesedaran ilmu dan pendidikan kepada golongan pelajar antaranya di Amerika Syarikat, Kanada dan Mesir.

"Syukur ke hadrat Ilahi. Terima kasih kepada semua pihak atas penghargaan ini. Ia merupakan penghargaan besar yang diberikan hasil penglibatan saya dalam bidang penyelidikan dan dakwah selama ini," katanya ketika ditemui selepas majlis penganugerahan itu.

Sementara itu, lima lagi menerima anugerah Maulidur Rasul termasuk Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr. Ma'amor Osman; Pengarah Urusan Syarikat Laksamana Nusantara Sdn. Bhd., Mortadha Lau Abdullah dan Yang Dipertua Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) Mohd. Yunus Pathi Mohd.

Turut menerima anugerah sama ialah dua remaja iaitu Muhammad Ahmad Zahid, 14 dan remaja kurang upaya, Muhamad Haziq Samrat, 14.



**PENERIMA anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan bergambar bersama (dari kiri), Muhamad Ahmad Zahid, Mohd Yunus Pathi Mohd, Dr. Ma'amor Osman, Prof. Dr Sidek Baba, Mortadha Lau Abdullah dan Muhamad Haziq Samrat (hadapan) di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.**

Utusan 10.03.2009

# Mais tidak pinggir komuniti India

Sinar - 27/12/09



Abdul Rani berucap pada program khidmat masyarakat anjuran Mais di Ladang Golconda.

MERU - Perbezaan agama dan adat tidak menjadi penghalang pihak Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengadakan satu program berbentuk khidmat masyarakat dalam kalangan penduduk India di Ladang Golconda, Persiaran Hamzah Alang di sini.

Pada program berkenaan, pelbagai aktiviti seperti rawatan kesihatan percuma, lawatan dari rumah ke rumah, pertandingan memasak, membuat 'kolam', menggubah bunga mendapat sambutan baik daripada penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Dr Abdul Rani Osman pada ucapan perasmiannya berkata, program berkenaan memberikan makna yang amat besar kepada semua penduduk di ladang berkenaan yang rata-ratanya penduduk berbangsa India.

Katanya, program ini juga menjadi satu medium untuk beramah mesra dan mendekatkan diri dengan penduduk di situ melalui pelbagai acara dan aktiviti yang dapat meningkatkan kemesraan dalam kalangan mereka.

"Kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Mais kerana tidak meminggirkan penduduk India di ladang ini dan sudah pasti program seperti ini memberi makna yang amat besar kepada mereka yang mungkin tidak pernah menyertai program sebegini sebelum ini.

"Syabas kepada Mais mengambil inisiatif memperkenalkan sikap prihatin dan kebajikan yang selalu di praktik dalam ajaran Islam dan ternyata tiada batasan untuk melakukan kebaikan kepada semua kaum," katanya.

Beliau berkata, selain dapat meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat, program ini juga dapat memberi peluang kepada penduduk di sini membuat pemeriksaan dan rawatan kesihatan secara percuma.

"Sebagai seorang wakil rakyat, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melaksanakan tanggungjawab kepada semua masyarakat di sini tanpa mengira perbezaan kaum dan agama kerana bersikap adil itu memang dituntut Islam.

"Kita harap lebih banyak program berbentuk khidmat masyarakat di sini dapat diperbanyakkan pada masa akan datang kerana ternyata ia banyak memberikan manfaat kepada masyarakat setempat dari segi sosial dan pembangunan masyarakat," katanya.

Menurutnya, pihaknya sentiasa membuka pintu kepada mana-mana kaum yang memerlukan apa juga jenis bantuan terutamanya dalam kalangan mereka yang kurang bernasib atau berhadapan masalah untuk datang ke Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru.

Sinar 27.12.2009

# Tubuh Mais di peringkat daerah: Mohamad Adzib

ROSNANI SAAD Sinar - 14/5/09

**SHAH ALAM** – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan menubuhkan Mais di setiap daerah di negeri ini bagi membincangkan perkara berhubung hal ehwal agama Islam di peringkat daerah sebelum dibahaskan di peringkat negeri.

Pengerusi Mais, Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, fungsi Mais daerah adalah sama seperti di peringkat negeri.

Menurutnya, peringkat daerah ketika ini mempunyai badan dakwah yang lebih menjurus kepada mengendalikan perkara yang berkaitan dengan dakwah.

"Badan ini dianggotai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pejabat agama yang mana sebahagiannya membincangkan mengenai usaha berdakwah, termasuklah aktiviti dakwah di setiap daerah.

"Masih terdapat kekosongan yang berkaitan dengan perkara lain selain dakwah antaranya kekeluargaan, undang-undang, akidah, ajaran sesat, masalah sosial orang Islam dan sebagainya, yang mungkin tidak ada tempat untuk dibincangkan," katanya kepada Sinar Harian selepas menghadiri Bengkel Pemurnian Garis Panduan NGO Islam Negeri Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Zaki Arshad, Ketua Unit Pengembangan Dakwah Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mohd Kamal Ruzaman dan Ketua Jabatan Agihan dan Pembangunan Ummah LZS, Abd Malik Awang Besar.

Adzib berkata, di peringkat negeri, Mais turut dianggotai NGO, ahli akademik serta ahli Mais yang dilantik.

"Saya telah meminta supaya diwujudkan Mais setiap daerah di negeri ini, yang mana pendakwah bebas, alim ulama, NGO, pegawai daerah, pegawai agama daerah dan pihak berkaitan untuk sama-sama berbincang mengenai hal ehwal agama Islam.

"Satu garis panduan sedang disediakan untuk melantik pegawai dan ahli jawatankuasa berkaitan. Pelaksanaannya akan dilakukan dalam masa terdekat," katanya.

Terdahulu, beliau menyerahkan kira-kira RM870,000 bantuan kepada 35 NGO Islam yang aktif dari seluruh negeri ini, yang mana masing-masing menerima RM25,000.

"Kita akan memberi bantuan secara menyeluruh kepada mereka hingga RM50,000 bagi tempoh setahun untuk memudahkan mereka menjalankan aktiviti.

"Saya berharap agar semua NGO akan bekerja kuat, bekerjasama, membuat penyelarasan, menggunakan wang dengan sebaik mungkin, memastikan tidak ada pertindihan tugas serta menentukan sasaran yang perlu dipenuhi, dalam usaha memperkuatkan kerja dakwah dan syiar Islam di negeri ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, kutipan zakat LZS sehingga April lalu, berjaya mengumpul sebanyak RM60.1 juta, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Sehingga kini masih belum nampak sebarang pengurangan dari segi kutipan tetapi kita belum tahu lagi pada enam bulan akan datang.

"Justeru kita akan menyediakan strategi tertentu yang lebih berkesan dalam usaha meningkatkan lagi kutipan. Langkah yang lebih agresif lagi akan diambil kepada pembayar zakat selain penyebaran maklumat dan ilmu mengenai kewajipan berzakat," katanya.

Sinar 14.05.2009

## ram Hari Mesra Pelanggan Mai

**LAM** – Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan
akan Hari Mesra Pelanggan pada 11 dan 12 April ini di
:s Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).
long Pegawai Perhubungan Awam Mais, Shahrul Effen
kata, program sempena Bulan Kualiti Mais itu bertujuar
i penjelasan kepada orang ramai mengenai peranan da
gjawab badan itu selain meraikan pelanggannya.
urutnya, program yang bermula jam 10 pagi dan berakh
u akan meletakkan beberapa kaunter dan pameran
nasi selain terdapat aktiviti berfaedah.
s kali ini memberi keutamaan kepada pengunjung yang
intuk menyertai Saham Wakaf Selangor.
in itu, pengunjung juga akan diberi penerangan menge
pengurusan wasiat dan faraid," katanya kepada Sinar H

nar 10/4/09

Sinar 10.04.2009



# PERKHIDMATAN MAIS

*MAIS sebagai Badan Berkanun Negeri yang kekal dan Pihak Berkuasa Utama selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menurut Seksyen 5(1) dan 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi melaksanakan perkhidmatan seperti berikut :*

- Saham Wakaf Selangor
- Wasiat Orang Islam
- Faraid
- Hibah
- Harta Luqatah
- Sumber Wang Haram (Wang Tidak Patuh Syariah)
- Penyewaan Hartanah MAIS
- Pemurniaan Akidah
- Perlindungan Wanita
- Pemulihan Ar-Riqab
- PengIslaman, Kebajikan dan Pendidikan Muallaf

*Sekiranya anda berminat, hubungi kami atau berurusan dengan Pejabat Agama Islam Daerah atau Ibupejabat MAIS di :*

**Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)**
**Tingkat 9 & 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,**
**Persiaran Masjid,**
**40000 Shah Alam, Selangor.**
**Tel : 03-55143752/3570/3765**
**Fax: 03-55124042**
**Laman web: www.mais.gov.my**
**Email : mail@mais.gov.my**

H sinar-26/6/09

*Firman ALLAH S.W.T:*
*"Dan apa saja yang kamu dermakan, maka ALLAH S.W.T akan menggantikannya, dan dialah sebaik-baik pemberi rezeki". (Saba' : 39)*

Harian Sinar 26.06.2009



# WANG TIDAK PATUH SYARIAH

SINAR 24/12/200

Firman ALLAH S.W.T:
"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu."
(Al-Nisa':29)

***Salurkan Wang Yang Diperoleh Dari Sumber Haram Dan Meragukan Kepada Baitulmal***

*Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*
*Tingkat 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor.*
*Tel : 03-55143570/3772/3773/3740 Web : www.mais.gov.my*
*atau*
*Akaun Bank Islam 12-038-01-009567-6 atas nama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*

Harian Sinar 26.06.2009



SINAR 25.9.2009

Penyelesaian Pengurusan Harta Anda Melalui

# WASIAT

Firman ALLAH S.W.T:
"Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cubaan (ujian), di sisi ALLAH jualah pahala yang paling besar"
(At-Thaghabun :15)

***"Merancang Harta Pusaka Menjamin Kesejahteraan Keluarga"***

*Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*
Tingkat 9 & 10, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
Persiaran Masjid, 40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55143570/3772/3773 Klik : www.mais.gov.my

Sinar 25.06.2009

## 15 Ahli Mais Terima Watikah Pelantikan

SHAH ALAM, 8 Januari – Seramai 15 orang Ahli Majlis Agama Islam Selangor (Mais) bagi sesi 2009 hingga 2011 hari ini menerima watikah pelantikan daripada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Istana Bukit Kayangan dekat sini petang tadi.

Mereka ialah Pengerusi Mais, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Timbalan Pengerusi Mais, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Dato' Dr Hasan Mohamed Ali, Ahli-ahli Mais; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ramli Mahmud, Penasihat Undang-Undang Negeri, Datin Paduka Zauyah Be Loth Khan, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Arif Ab Rahman, Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Setia Mohd Tamyes Abd Wahid dan Ketua Polis Selangor, Dato' Khalid Abu Bakar.

Hadir pada majlis itu, Dato' Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Turut menerima watikah ialah Ahli-ahli Mais yang dilantik semula iaitu Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj Tengku Shahruddin Shah Alhaj, Dato' Sarip Hamid, Dato' Aidit Ghazali, Prof Datin Paduka Dr Zaleha Kamarudin, Prof Dr Sidek Baba dan Dato' Salehuddin Saidin.

Dua muka baru yang turut menerima watikah ialah Ahli Dewan Diraja Selangor, Dato' Setia Abdul Halim Dato' Abdul Rauf dan Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ab Halim Tamuri.

Dalam istiadat sama, Sultan Selangor turut berkenan menyampaikan Darjah Kebesaran negeri Selangor kepada tiga penerima yang tidak dapat hadir dalam istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran sempena hari keputeraan baginda yang ke-63 pada 11 Disember lalu.

Mereka ialah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Abdul Aziz Mohd Yusof yang menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Pengarah Urusan Satay Kajang Haji Samuri Sdn Bhd, Dato' Haji Samuri Juraimi, penerima Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) serta Peguambela dan Peguamcara, Dato' Salehuddin Saidin yang dikurniakan Darjah Kebesaran Dato'- Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.).

Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada tiga orang Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah dan seorang Ketua Pendakwa Syarie. – NOOR ALLIA KASSIM

www.suaraselangormaju.com.my 19.01.2009

## Hari bertemu pelanggan MAIS Sabtu, Ahad ini

SHAH ALAM 8 April – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan menganjurkan program Hari Bertemu Pelanggan selama dua hari bermula Sabtu ini di mana orang ramai boleh mendapatkan khidmat nasihat secara terus.

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MAIS, Shahrul Affendy Md. Saat berkata, program yang akan berlangsung dari pukul 10 pagi hingga 5 petang di Kompleks Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu turut menyediakan kaunter perkhidmatan kepada orang ramai seperti kaunter saham wakaf, wasiat, faraid, sewaan tanah dan bangunan milik MAIS.

Selain itu, program itu turut memuatkan acara lain seperti kuiz, persembahan *Save the Gaza* dan jualan kepada orang ramai meliputi produk makanan, pakaian dan sebagainya.

Tambah Shahrul, hasil jualan yang diadakan itu akan disalurkan kepada Tabung Anak Yatim.

Utusan 09.04.2009

# Senarai Kaunter-Kaunter

## SENARAI KAUNTER-KAUNTER SAHAM WAKAF SELANGOR DAN WASIAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

**Bahagian Baitulmal**
**Majlis Agama Islam Selangor**
Tingkat 9, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah,
Seksyen 5, 40000 Shah Alam.
**No. Tel : 03-5514 3570/ 5514 3400 samb. 2190**
**No. Faks : 03-5512 4042**

**Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat**
Jalan Low Tik Kok,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-8734 8352/ 8737 7387**
**No. Faks : 03-8736 3220**

**Pejabat Agama Islam Daerah Klang**
Jalan Dato' Hamzah,
41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3374 8422**
**No. Faks : 03-3372 6923**

**Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat**
Sungai Manggis, 42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3187 3154**
**No. Faks : 03-3187 1357**

**Pejabat Agama Islam Daerah Sepang**
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-8706 1918**
**No. Faks : 03-8706 2961**

**Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor**
Kuala Kubu Bharu, 44000 Hulu Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-60643402/1437**
**No. Faks : 03-60641122**

**Pejabat Agama Islam Daerah Petaling**
Tingkat 6, Menara Utara,
Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5,
40000 Shah Alam.
**No. Tel : 03-5514 3698**
**No. Faks : 03-5512 2105**

**Pejabat Agama Islam Daerah Gombak**
Jalan AU2A/17, Taman Sri Keramat,
54200 Kuala Lumpur.
**No. Tel : 03-4256 4426 / 4252 6080**
**No. Faks : 03-4252 8418**

**Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam**
Jalan Parit Satu Timur,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3224 1529 / 1260 / 1259**
**No. Faks : 03-3224 1486**

**Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor**
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
**No. Tel : 03-3289 1393**
**No. Faks : 03-3289 2287**

"WAKAF PEMANGKIN EKONOMI UMMAH
WASIAT PENYUBUR SILATURRAHIM"

Sertailah **Saham Wakaf Selangor** Dan **Perkhidmatan Wasiat MAIS**

# Nota